

FAKTOR NIAT MELAKUKAN RASUAH DAN PERANAN ETIKA KERJA  
ISLAM DI KALANGAN KAKITANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

ENIDA BINTI DAUD

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Doktor Falsafah (Pengurusan)

Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim  
Universiti Teknologi Malaysia

JULAI 2020

## **DEDIKASI**

Hasil Kerja ini didedikasikan khas buat Bonda Hajah Wagini@Wakinu Binti Banjar dan Ayahanda Haji Daud Bin Sekan yang sentiasa memahami dan mendoakan kejayaan anakmu, teristimewa buat suami tercinta Md Raihan bin Omar serta anak-anak yang disayangi Adlina Nurzafirah dan Aliff Danial yang tidak pernah putus memberi sokongan moral, kasih sayang dan pengorbanan demi untuk menyiapkan penulisan ini.

**“SESUNGGUHNYA KEJAYAAN INI MILIK KITA BERSAMA”**

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, keluarga dan para sahabat Rasulullah, para ambiya, shuhada' dan alim ulamak serta para salihin sekalian.

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT bahawa dengan izin dan kurniaNya dapat saya menyempurnakan kajian dan penulisan tesis Ijazah Doktor Falsafah ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak ternilai kepada penyelia yang saya hormati iaitu Dr Low Hock Heng dari Fakulti Pengurusan dan Dr Ahmad Mahyuddin Bin Hassan dari Fakulti Tamadun Islam atas segala panduan, bimbingan, masa dan tunjuk ajar sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Penghargaan ini turut ditujukan kepada semua responden yang terlibat terutamanya kepada Tuan Haji Ahmad Bin Main, Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Johor, Tuan Haji Ismail Bin Abu, Setiausaha Bahagian Sumber Manusia Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Encik Mohd Shukri Bin Masbah, Pengarah Perbadanan Islam Negeri Johor, Timbalan Pengarah Audit Johor, Penolong Pengarah SPRM Johor Cawangan Batu Pahat, Kluang dan Segamat, Yang Dipertua, Setiausaha dan semua kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor serta Pensyarah-pensyarah di Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim dan Akademik Tamadun Islam, UTM. Tidak dilupakan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua kakitangan Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim atas segala kerjasama dan bantuan yang diberikan.

Kepada kalian semua jasmu akan ku kenang dan semoga kehidupan sentiasa diberkati Allah SWT dunia akhirat. Akhir kata, semoga kajian ini memberi sumbangan ilmiah yang dapat dimanfaatkan dalam membangunkan nilai dan etika penjawat awam di Pihak Berkuasa Tempatan. Wallahu a'lam. Sekian dan terima kasih.

## ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu usaha untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi niat melakukan rasuah dan peranan Etika Kerja Islam (EKI) di kalangan kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor. Kajian ini menggunakan "*Model of Corrupt Action*" sebagai rujukan utama di samping teori dan model tingkahlaku etika oleh para sarjana Islam dan barat. Kebanyakan kajian lepas membincangkan etika kerja dari kaca mata barat dan hanya beberapa kajian yang melihat tentang etika kerja dari perspektif Islam. Oleh itu, kajian ini mencadangkan EKI sebagai pembolehubah penyederhanaan terhadap hubungan di antara faktor mempengaruhi dan niat rasuah. Penjawat awam di PBT Negeri Johor dijadikan unit analisis kajian ini. Data diperolehi secara kuantitatif melalui borang soal selidik dan kualitatif secara temubual pakar. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif dan *Confirmatory Factor Analysis (CFA)* manakala data kualitatif dianalisis secara Analisis Tema dan Corak. Hasil kajian mendapati niat rasuah dipengaruhi oleh faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman adalah sikap mengabaikan nilai dan tuntutan agama, sikap pentingkan diri, sikap inginkan gaya hidup mewah melebihi kemampuan dan sikap tamak. Faktor luaran adalah pengaruh keluarga dan rakan sekerja, peluang dan ruang, sistem serta prosedur kerja yang tidak jelas dan lapuk, faktor sosial dan faktor modenisasi. Hubungan kompleks antara pembolehubah dianalisis melalui *Structural Equation Modeling (SEM)* dengan menggunakan data kuantitatif. Dalam membina model struktur, empat model pengukuran iaitu model faktor dalaman, model faktor luaran, model niat dan model EKI telah dinilai sebelum model digabungkan untuk membentuk model kajian yang diberi nama Model Pencegahan Rasuah. Dalam proses pembuktian hipotesis utama, analisis SEM dan analisis moderator telah digunakan. Keputusan ujian hipotesis mendapati bahawa faktor dalaman mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap niat rasuah, faktor luaran mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap niat rasuah dan EKI merupakan pembolehubah penyederhanaan terhadap hubungan antara faktor dalaman dan niat untuk melakukan rasuah. Model yang dibangunkan ini memberi sumbangan ilmiah dalam menjelaskan faktor yang mempengaruhi niat untuk melakukan rasuah dan peranan EKI sebagai pembolehubah penyederhanaan melalui lapan nilai iaitu *taqwa, ihsan, amal saleh, al-Birr, al-Qist, masuliyah, ma'ruf* dan *itqan*.

## ABSTRACT

This study seeks to identify the factors influencing corruption intention and the role of *Etika Kerja Islam (EKI)* among public servants of the Johor Local Authority. It uses the Model of Corrupt Action as the main reference in addition to the theory and model of ethical behaviour proposed by both the Islamic and the Western scholars. Most of past literature studies discuss the work ethics from the Western lens and very few studies observe work ethic from an Islamic perspective. In this regard, this study proposes *EKI* as the moderating variable in the relationship between the influencing factors and the intention to commit corruption. Civil servants in Johor State Local Authorities are used as the unit of analysis. Data was obtained quantitatively through distribution of questionnaires and qualitatively through expert interviews. Quantitative data were analyzed using Descriptive Analysis and Confirmatory Factor Analysis (CFA) and qualitative data were analyzed by Themes and Patterns Analysis. The result shows that intention to commit corruption was influenced by internal factors and external factors. Internal factors include neglecting religious values and demands, selfish attitudes, luxury lifestyle demands beyond their ability and greed. External factors are the influence of family and colleagues, opportunities, out dated systems and unclear procedures, social factors and modernization factors. The complex relationship between the variables was analyzed by Structural Equation Modeling (SEM) using quantitative data. In building a structural model, four measurement models known as internal factor model, external factor model, intention model and *EKI* model were evaluated before the models were combined to form developed model named as “*Model Pencegahan Rasuah*”. In the process of proving major hypotheses, SEM analysis and moderator analysis have been used. The results of the hypothesis test found that internal factors had significant influence on the intention to commit corruption, external factors had significant effect on the intention to commit corruption and *EKI* was a moderating variable on the relationship between Internal Factor and Intention to commit corruption. This developed model contributes in explaining the internal and external factors affecting the intentions to commit corruption and the role of *EKI* as a moderator through eight values which are *taqwa, ihsan, amal saleh, al-Birr, al-Qist, masuliyah, ma'ruf* and *itqan*.

## SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	<b>PENAKUAN</b>	<b>iii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iv</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>vi</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>viii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xvii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xxi</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xxiii</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xxiv</b>
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan Kajian	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	1
	1.3 Latar Belakang Rasuah di Malaysia	7
	1.4 Latar Belakang dan Fungsi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	11
	1.5 Pernyataan Masalah	13
	1.6 Persoalan Kajian	22
	1.7 Objektif Kajian	23
	1.8 Kepentingan Kajian	23
	1.9 Skop Kajian	24
	1.10 Batasan Kajian	25
	1.11 Organisasi Bab	26
	1.12 Rumusan	27
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>29</b>
	2.1 Pengenalan	29
	2.2 Konsep Dan Definisi Rasuah	29

2.2.1	Perspektif Bahasa	29
2.2.2	Perspektif Undang-Undang	31
2.2.3	Perspektif Birokrasi	34
2.2.4	Perspektif Ekonomi	35
2.2.5	Perspektif Islam	36
2.3	Konsep Rasuah Menurut Teori dan Model Barat	39
2.3.1	Teori Kelakuan Dirancang ( <i>Theory Planned Behavior –TPB</i> )	40
2.3.2	Model of Corrupt Action	42
2.3.3	Model of Deontic Justice – Resistance to Socialization Corruption	45
2.3.4	<i>Ethical Decision Making Model</i> - Pelletier dan Bligh (2006)	47
2.4	Teori dan Model Rasuah Menurut Sarjana Islam	54
2.4.1	Risywah Dalam Perspektif Hadis Nabi (Ahmad Jurin, 2016)	54
2.4.2	Rasuah, Sifat, Sebab dan Fungsi (Syed Hussein Alatas, 2002)	55
2.4.3	Pengharaman Dan Ancaman Terhadap Orang Yang Melakukan Rasuah Dari Pandangan Islam	57
2.4.4	Model Pembuatan Keputusan Etika (Ahmad Taufik, 2012)	61
2.5	Niat Untuk Melakukan Rasuah	66
2.6	Faktor Yang Mempengaruhi Niat Rasuah	69
2.6.1	Faktor Dalaman	71
2.6.1.1	Sikap Mengabaikan Ajaran Dan Terhadap Nilai-Nilai Islam Serta Kurangnya Keimanan Dan Ketakwaan	72
2.6.1.2	Sikap Pentingkan Diri Sendiri Bagi Memenuhi Tuntutan Peribadi	73
2.6.1.3	Sikap Inginkan Gaya Hidup Mewah Melebihi Kemampuan	74
2.6.1.4	Sikap Tamak	75
2.6.1.5	Hipotesis Faktor Dalaman	76
2.6.2	Faktor Luaran	77

2.6.2.1	Ibubapa Dan Keluarga	77
2.6.2.2	Rakan Sekerja	78
2.6.2.3	Kelemahan Kepimpinan Dan Pengurusan Organisasi	80
2.6.2.4	Wujudnya Ruang Dan Peluang Untuk Melakukan Rasuah	81
2.6.2.5	Kelemahan Sistem dan Prosedur Kerja Tidak Jela	82
2.6.2.6	Penguatkuasaan Lemah	83
2.6.2.7	Sosial dan Budaya	84
2.6.2.8	Modenisasi	86
2.6.2.9	Hipotesis Faktor Luaran	87
2.7	Kesan	87
2.7.1	Ekonomi	88
2.7.2	Pentadbiran Dan Pemerintahan	89
2.7.3	Tanggapan Masyarakat Dan Negara Luar	90
2.7.4	Sosial	90
2.7.5	Individu Muslim	91
2.8	Konsep Dan Etika Kerja Islam (EKI)	93
2.9	Pelaksanaan Etika Kerja Islam Sebagai Pembolehubah Penyederhaan Terhadap Niat Untuk Melakukan Rasuah	98
2.9.1	Taqwa	98
2.9.2	Ihsan	102
2.9.3	Amal Saleh	105
2.9.4	Al- Birr	106
2.9.5	Al-Qist	107
2.9.6	Ma'ruf	109
2.9.7	Masuliyah	110
2.9.8	Itqan	112
2.9.9	Hipotesis Etika Kerja Islam (EKI)	114
2.10	Cadangan Model Kajian	115
2.11	Kesimpulan	120



<b>BAB 3</b>	<b>KAEDAH METODOLOGI</b>	<b>121</b>
3.1	Pengenalan	121
3.2	Reka Bentuk Kajian	122
3.3	Sumber Data	123
	3.3.1 Kajian Perpustakaan	123
	3.3.2 Data Kuantitatif	124
	3.3.3 Data Kualitatif	125
3.4	Lokasi Kajian	126
3.5	Populasi Kajian	127
3.6	Unit Analisis	128
3.7	Saiz Sampel	129
3.8	Persampelan Kajian	130
3.9	Pengendalian Pembolehubah	132
3.10	Pengukuran Pembolehubah	132
	3.10.1 Pembolehubah Tidak Bersandar – Faktor Mempengaruhi Niat Untuk Melakukan Rasuah	133
	3.10.2 Pembolehubah Bersandar – Niat Untuk Melakukan Rasuah	134
	3.10.3 Pembolehubah Penyederhanaan – Etika Kerja Islam	134
3.11	Instrumen Kajian	134
	3.11.1 Soal Selidik	135
	3.11.1.1 Bahagian A – Pengukuran Demografi Responden	136
	3.11.1.2 Bahagian B : Pengukuran Faktor Yang Mempengaruhi Niat Untuk Melakukan Rasuah	136
	3.11.1.3 Bahagian C- Niat Untuk Melakukan Rasuah	139
	3.11.1.4 Bahagian D – Etika Kerja Islam	140
	3.11.2 Temubual Pakar	142
	3.11.2.1 Pakar Berkaitan Rasuah	143
	3.11.2.2 Pakar Berkaitan Etika Kerja Islam	144

3.12	Analisa EOA (Expert Opinion Assessment)	145
3.13	Kajian Rintis	148
3.14	Ujian Kebolehpercayaan	149
3.15	Ujian Kesahan Instrumen Kajian	150
	3.15.1 Kebolehpercayaan Dalam Penyelidikan Kuantitatif	151
	3.15.2 Kebolehpercayaan Dalam Kualitatif	152
3.16	Kaedah Pengumpulan Data	153
3.17	Prosedur Kajian	153
3.18	Kaedah Analisis Data	154
3.19	Kesimpulan	154
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DAN HASIL KAJIAN</b>	<b>157</b>
4.1	Pengenalan	157
4.2	Dapatan Kajian Rintis	157
4.3	Demografi	158
4.4	Analisis Secara Kebolehpercayaan	162
4.5	Mengkaji Andaian Asas “Structural Equation Modeling (SEM)”	162
4.6	Analisis Untuk Menentukan “Normality”	162
	4.6.1 Analisis Untuk Menentukan “Normality” bagi Faktor Dalaman	162
	4.6.2 Analisis Untuk Menentukan “Normality” bagi Faktor Luaran	162
	4.6.3 Analisis Untuk Menentukan “Normality” bagi Niat	166
	4.6.4 Analisis Untuk Menentukan “Normality” bagi Etika Kerja Islam	167
4.7	Missing Data	171
4.8	Outliers	171
4.9	Analisa Deskriptif Bagi Faktor Dalaman, Luaran Dan Etika Kerja Islam	172
	4.9.1 Faktor Dalaman	173
	4.9.1.1 Sikap Mengabaikan Nilai Dan Tuntutan Agama	173

4.9.1.2	Sikap Pentingkan Diri	173
4.9.1.3	Gaya Hidup Mewah Melebihi Kemampuan	174
4.9.1.4	Sikap Tamak	174
4.9.2	Faktor Luaran	175
4.9.2.1	Pengaruh Keluarga	175
4.9.2.2	Pengaruh Rakan Sekerja	175
4.9.2.3	Kelemahan Kepimpinan	176
4.9.2.4	Peluang	176
4.9.2.5	Prosedur Kerja Tidak Jelas	176
4.9.2.6	Penguatkuasaan Lemah	177
4.9.2.7	Sosial Dan Budaya	177
4.9.2.8	Kepesatan Pembangunan dan Modenisasi	177
4.9.3	Etika Kerja Islam Sebagai Pembolehkan Penyederhanaan Terhadap Niat Untuk Melakukan Rasuah	178
4.9.3.1	Taqwa	178
4.9.3.2	Ihsan	178
4.9.3.3	Amal Saleh	179
4.9.3.4	Al-Birr	179
4.9.3.5	Al-Qist	180
4.9.3.6	Masuliyah	180
4.9.3.7	Ma'ruf	181
4.9.3.8	Itqan	181
4.10	Structural Equation Model (SEM)	181
4.11	Spesifikasi Model	182
4.11.1	Penilaian Model Pengukuran	183
4.12	Prosedur Analisis Faktor Pengesahan (CFA) untuk " <i>latent exogenous construct</i> " untuk Faktor Dalaman dan Faktor Luaran	213
4.13	Menganalisis Etika Kerja Islam Sebagai Pembolehkan Penyederhanaan	222

4.14	Ujian Hipotesis Untuk Menganalisis Moderator Di Dalam Rajah 6	222
4.14.1	Etika Kerja Islam Merupakan Pembolehubah Penyederhanaan (Moderating Variable) Antara Faktor Dalaman Dan Niat Untuk Melakukan Rasuah	223
4.14.2	Etika Kerja Islam Merupakan Pembolehubah Penyederhanaan (Moderating Variable) Antara Faktor Luaran Dan Niat Untuk Melakukan Rasuah	225
4.15	Ringkasan Ujian Hipotesis	227
4.16	Analisa Kandungan, Analisa Tema dan Paten	227
4.17	Tema dan Corak	246
4.17.1	Keputusan Berdasarkan Analisa Kandungan Melalui Tema Dan Corak – Faktor Yang Mempengaruhi Niat Untuk Melakukan Rasuah	246
4.17.2	Keputusan Berdasarkan Soalan Temubual – Etika Kerja Islam Sebagai Pembolehubah Penyederhanaan Terhadap Niat Untuk Melakukan Rasuah	255
4.18	Kesimpulan	255
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN AKAN DATANG</b>	<b>257</b>
5.1	Pengenalan	257
5.2	Ringkasan Kajian	257
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	259
5.3.1	Mengenalpasti Faktor Dalaman Dan Luaran Yang Mempengaruhi Niat Untuk Melakukan Rasuah Di Kalangan Penjawat Awam Di PBT Johor	260
5.3.1.1	Faktor Dalaman	260
5.3.1.2	Faktor Luaran	267
5.3.2	Untuk Menentukan Etika Kerja Islam Sebagai Pembolehubah Penyederhanaan Dalam Hubungan Antara Faktor Dalaman Dan Luaran Terhadap Niat Untuk Melakukan Rasuah	277
5.3.3	Untuk Menghasilkan Satu Model Rasuah Bagi Menjelaskan Faktor Dalaman Dan Luaran Serta Peranan Etika Kerja Islam (EKI) Sebagai	

	Pembolehkan Penyederhanaan Terhadap Niat Untuk Melakukan Rasuah	291
5.4	Sumbangan Kajian	294
5.4.1	Sumbangan kajian terhadap percambahan ilmu	294
5.4.2	Sumbangan kajian terhadap penjawat awam di PBT	295
5.4.3	Sumbangan Kajian Terhadap Agensi Kerajaan Yang Terlibat	296
5.5	Batasan Kajian	296
5.6	Cadangan dan Implikasi Kajian	297
5.6.1	Cadangan Penyelidikan Masa Hadapan	297
5.6.2	Cadangan Tindakan oleh Pihak Yang Berkenaan	298
5.6.2.1	Tingkatkan Ilmu Islam Dan Pengetahuan Tentang Rasuah	298
5.6.2.2	Menilai Dan Mengkaji Semula Keberkesanan Kempen Pencegahan Rasuah, Program Penerapan Nilai Murni Dan Penerapan Prinsip ” Kerja Sebagai Satu Ibadah”	299
5.6.2.3	Penguatkuasaan dan Undang-Undang	300
5.6.2.4	Inisiatif Dan Penghargaan	302
5.6.2.5	Pemeriksaan Badan Hisbah	303
5.6.2.6	Mengkaji, Meminda Undang-Undang Serta Peraturan Sediada Yang Tidak Relevan Seiring Dengan Tuntutan Persekitaran Yang Semakin Dinamik	304
5.6.2.7	Peranan Pemimpin Dalam Organisasi	306
5.6.2.8	Kesedaran dan Peranan Masyarakat	307
5.6.3	Cadangan Tindakan oleh Penjawat Awam di PBT	308
5.6.3.1	Menanamkan sifat-sifat ketauhidan yang jelas dan mendekatkan diri kepada Allah	308

5.6.3.2	Menghayati al-Quran dan al-Sunnah	309
5.6.3.3	Mempunyai Niat Yang Jelas Dalam Melaksanakan Pekerjaan	309
5.7	Kesimpulan	310
	<b>RUJUKAN</b>	<b>311</b>
	<b>Lampiran A-F</b>	<b>339</b>

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.1	<i>Corruption Perceptions Index</i> (CPI) dari Tahun 2009 hingga 2019	10
Jadual 1.2	Fungsi dan aktiviti PBT	12
Jadual 1.3	Tangkapan Rasuah Penjawat Awam ( <a href="http://www.sprm.gov.my">www.sprm.gov.my</a> )	13
Jadual 1.4	Perangkaan SPRM terhadap PBT	14
Jadual 1.5	Statistik Maklumat Rasuah Terhadap PBT Negeri Johor bagi Tahun 2010 hingga 2015	16
Jadual 1.6	Kes rasuah yang dilaporkan di Akhbar	17
Jadual 1.7	Teguran Audit Bagi Tahun 2012	18
Jadual 1.8	Teguran Audit Bagi PBT Negeri Johor Bagi tahun 2010-2016	18
Jadual 2.1	Definisi mengikut pengkaji	38
Jadual 2.2	Ringkasan Model-Model Berkaitan Tingkahlaku Rasuah	51
Jadual 3.1	Persoalan kajian dan metodologi	123
Jadual 3.2	Jadual Populasi Mengikut PBT	128
Jadual 3.3	Jadual Perkiraan Saiz Sampel	129
Jadual 3.4	Jadual Sampel Kajian Mengikut PBT Dan Gred Jawatan	131
Jadual 3.5	Senarai Item Soal Selidik Faktor Dalaman dan Luaran	136
Jadual 3.6	Senarai Item Soal Selidik Niat	139
Jadual 3.7	Senarai Item Soal Selidik Etika Kerja Islam	141
Jadual 3.8	Senarai Pakar Yang Terlibat Dalam EOA	143
Jadual 3.9	Senarai Pakar Etika Islam Yang Terlibat Dalam EOA	144
Jadual 3.10	Keputusan EOA Pusingan Ketiga Bagi Faktor – Pakar Rasuah	146
Jadual 3.11	Keputusan EOA Pusingan Ketiga Bagi Niat– Pakar Rasuah	146
Jadual 3.12	Keputusan EOA pusingan ketiga – Pakar Etika Kerja Islam	148
Jadual 3.13	Kaedah Analisis Mengikut Objektif Kajian	154
Jadual 4.1	Keputusan Kajian Rintis	158
Jadual 4.2	Maklumat Responden Berdasarkan Jantina	158

Jadual 4.3	Maklumat Responden Berdasarkan Umur	159
Jadual 4.4	Maklumat Responden Berdasarkan Kelulusan Akademik Tertinggi	159
Jadual 4.5	Maklumat Responden Berdasarkan Tugas dan Tanggungjawab	160
Jadual 4.6	Maklumat Responden Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	160
Jadual 4.7	Maklumat Responden Berdasarkan Pendapatan Bulanan	161
Jadual 4.8	Maklumat Responden Berdasarkan Kategori Jawatan	161
Jadual 4.9	Analisis Secara Kebolehpercayaan	162
Jadual 4.10	“Normality” Untuk Item Faktor Dalam	163
Jadual 4.11	“Normality” Untuk Item Faktor Luar	164
Jadual 4.12	“Normality” Untuk Item Niat	167
Jadual 4.13	“Normality” Untuk Item Etika Kerja Islam	167
Jadual 4.14	Deskriptif Pembolehubah bagi Sikap Mengabaikan Nilai Dan Tuntutan Agama	173
Jadual 4.15	Deskripsi Pembolehubah Sikap Peningkan Diri	174
Jadual 4.16	Deskripsi Pembolehubah bagi Gaya Hidup Mewah Melebihi Kemampuan	174
Jadual 4.17	Deskripsi Pembolehubah bagi Sikap Tamak	174
Jadual 4.18	Deskriptif Pembolehubah bagi Pengaruh Keluarga	175
Jadual 4.19	Deskripsi Pembolehubah Pengaruh Rakan Sekerja	175
Jadual 4.20	Deskripsi Pembolehubah Kelemahan Kepimpinan	176
Jadual 4.21	Deskripsi Pembolehubah Bagi Peluang	176
Jadual 4.22	Deskriptif Pembolehubah bagi Prosedur Kerja Tidak Jelas	176
Jadual 4.23	Deskripsi Pembolehubah Penguatkuasaan Lemah	177
Jadual 4.24	Deskriptif Pembolehubah Konstruk Bagi Sosial Dan Budaya	177
Jadual 4.25	Deskripsi Pembolehubah Bagi Kepesatan Pembangunan Dan Modenisasi	178
Jadual 4.26	Deskriptif Pembolehubah bagi nilai Taqwa	178
Jadual 4.27	Deskriptif Pembolehubah Bagi Nilai Ihsan	179
Jadual 4.28	Deskriptif Pembolehubah bagi nilai Amal Saleh	179
Jadual 4.29	Deskriptif Pembolehubah bagi nilai al-Birr	179
Jadual 4.30	Deskriptif Pembolehubah bagi nilai al-Qist	180
Jadual 4.31	Deskriptif Pembolehubah bagi nilai Masuliyah	180
Jadual 4.32	Deskripsi Pembolehubah bagi nilai Ma'ruf	181



Jadual 4.33	Deskripsi Pembolehubah Bagi nilai Itqan	181
Jadual 4.34	“ <i>Factor Loadings</i> ” Untuk Model Pengukuran Faktor Dalaman	185
Jadual 4.35	“ <i>Factor Loadings</i> ” Untuk Model Dianalisis Semula Selepas Mengugurkan Item FD_7, FD_8, FD_9, FD_12 dan FD_13	186
Jadual 4.36	Penilaian “ <i>Fitness Indexes</i> ” untuk Model Pengukuran Faktor Dalaman	187
Jadual 4.37	“ <i>Modification Index</i> ” Yang Mewakili “ <i>Covariances</i> ” Diantara Satu Sama Lain	188
Jadual 4.38	Penilaian “ <i>Fitness Indexes</i> ” untuk Model Pengukuran Faktor Dalaman	189
Jadual 4.39	“ <i>Factor Loadings</i> ” Untuk Model Pengukuran Faktor Luaran	191
Jadual 4.40	“ <i>Factor Loadings</i> ” Untuk Model dianalisis semula selepas mengugurkan item FD_7, FD_8, FD_9, FD_12 dan FD_13	193
Jadual 4.41	Penilaian “ <i>Fitness Indexes</i> ” untuk Model Pengukuran Faktor Luaran	193
Jadual 4.42	“ <i>Modification Index</i> ” Yang Mewakili “ <i>Covariances</i> ” Diantara Satu Sama Lain	194
Jadual 4.43	Penilaian “ <i>Fitness Indexes</i> ” untuk Model Pengukuran Faktor Luaran	197
Jadual 4.44	“ <i>Factor Loadings</i> ” Untuk Model Pengukuran Niat	198
Jadual 4.45	Penilaian “ <i>Fitness Indexes</i> ” untuk Model Pengukuran Niat	198
Jadual 4.46	“ <i>Modification Index</i> ” Yang Mewakili “ <i>Covariances</i> ” Diantara Satu Sama Lain	199
Jadual 4.47	Penilaian “ <i>Fitness Indexes</i> ” untuk Model Pengukuran Niat	201
Jadual 4.48	“ <i>Factor Loadings</i> ” Untuk Model Pengukuran Etika Kerja Islam	203
Jadual 4.49	“ <i>Factor Loadings</i> ” Untuk Model dianalisis semula selepas menggugurkan item EKI_8, EKI_16, EKI_17, EKI_18, EKI_19, EKI_25, EKI_29 dan EKI_31	205
Jadual 4.50	“ <i>Factor Loadings</i> ” Untuk Model dianalisis semula selepas menggugurkan item EKI_20 dan EKI_24	207
Jadual 4.51	Penilaian “ <i>Fitness Indexes</i> ” untuk Model Pengukuran Etika Kerja Islam	208
Jadual 4.52	“ <i>Modification Index</i> ” Yang Mewakili “ <i>Covariances</i> ” Diantara Satu Sama Lain	208

Jadual 4.53	Penilaian “ <i>Fitness Indexes</i> ” untuk Model Pengukuran Faktor Luaran	213
Jadual 4.54	Ringkasan Untuk “ <i>Fit Indexes</i> ” Untuk “ <i>Measurement Model</i> ” Faktor Dalaman dan Faktor Luaran	216
Jadual 4.55	“Modification Index(MI)”	216
Jadual 4.56	“ <i>Fitness Indexes</i> ” untuk “ <i>Measurement Model</i> ” dalam Rajah 4.9	219
Jadual 4.57	Keputusan Analisis Faktor Pengesahan (CFA) Untuk Model Pengukuran	219
Jadual 4.58	Penilaian “ <i>Regression Weight</i> ” Diantara Setiap Pemboleh Ubah Bersandar Dan Pemboleh Ubah Tidak Bersandar dengan Etika Kerja Islam Sebagai Pembolehubah Penyederhanaan	223
Jadual 4.59	Menguji kesan penyebab Faktor Dalaman (ZMFD) terhadap Niat melakukan rasuah (ZMNIAT)	223
Jadual 4.60	Menguji kesan penyebab Etika Kerja Islam (ZMETIKA) terhadap Niat melakukan rasuah (ZMNIAT)	224
Jadual 4.61	Menguji kesan pembolehubah penyederhanaan (moderating variable) terhadap Faktor Dalaman * Etika Kerja Islam ke atas Niat Melakukan Rasuah	224
Jadual 4.62	Menguji kesan penyebab Faktor Luaran (ZMFL) terhadap Niat melakukan rasuah (ZMNIAT)	225
Jadual 4.63	Menguji kesan penyebab Etika Kerja Islam (ZMETIKA) terhadap Niat melakukan rasuah (ZMNIAT)	225
Jadual 4.64	Menguji Kesan Pembolehubah Penyederhanaan (moderating variable) terhadap Faktor Luaran * Etika Kerja Islam ke atas Niat Melakukan Rasuah	226
Jadual 4.65	Keputusan Ujian Hipotesis	227
Jadual 4.66	Jadual Bagi Membentuk Tema dan Corak bagi faktor Dalaman	230
Jadual 4.67	Jadual Bagi Membentuk Tema dan Corak bagi Faktor Luaran	234
Jadual 4.68	Jadual Bagi Membentuk Tema dan Corak bagi Etika Kerja Islam	240
Jadual 4.69	Frekuensi Kekerapan Kod Bagi Faktor Dalaman	244
Jadual 4.70	Frekuensi Kekerapan Kod Bagi Faktor Luaran	244
Jadual 4.71	Frekuensi Kekerapan Kod Bagi Etika Kerja Islam	245

## SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 2.1	Theory Planned Behaviour	41
Rajah 2.2	<i>Model of Corrupt Action</i>	42
Rajah 2.3	Model of Deontic Justice Resistance to socialization Corruption	45
Rajah 2.4	Model Pembuatan Keputusan Etika	61
Rajah 2.5	Kerangka Konseptual Kajian	116
Rajah 3.1	Carta Alir Proses Kajian	156
Rajah 4.1	<i>“Box Plot”</i> Untuk Item Faktor Dalaman, Faktor Luaran, Niat dan Etika Kerja Islam	172
Rajah 4.2	Model Hipotesis yang Dicadangkan	183
Rajah 4.3	CFA bagi Model Pengukuran untuk Faktor Dalaman	184
Rajah 4.4	(a) Model dianalisis semula selepas mengugurkan item FD_7, FD_8, FD_9, FD_12 dan FD_13	186
Rajah 4.5	(b) <i>“Fitness Indexes”</i> selepas e10 dan e11, e6 dan e10, e5 dan e6, e3 dan e6, e2 dan e11, e2 dan e10, dan e2 dan e3 <i>“free parameter estimate”</i>	189
Rajah 4.6	CFA bagi Model Pengukuran untuk Faktor Luaran	190
Rajah 4.7	(a) Model dianalisis semula selepas mengugurkan item FL_4, FL_16, FL_19, FL_20, FL_21, FL_22, FL_29, FL_30 dan FL_31	192
Rajah 4.8	(b) <i>“Fitness Indexes”</i> selepas e23 dan e24, e22 dan e24, e22 dan e23, e20 dan e21, e19 dan e21, e19 dan e20, e14 dan e21, e14 dan e20, e14 dan e19, e13 dan e14, e10 dan e20, e10 dan e11, e4 dan e20, e4 dan e19, e4 dan e5, e2 dan e4, dan e21 dan e24 <i>“free parameter estimate”</i>	196
Rajah 4.9	CFA bagi Model Pengukuran untuk Niat	197
Rajah 4.10	(a) <i>“Fitness Indexes”</i> selepas e6 dan e7, e5 dan e6, e4 dan e6, e4 dan e5, e3 dan e6, e3 dan e5, e2 dan e7, e2 dan e3, e1 dan e7, e1 dan e4, dan e1 dan e2 <i>“free parameter estimate”</i>	200
Rajah 4.11	CFA bagi Model Pengukuran untuk Etika Kerja Islam	202
Rajah 4.12	(a) Model dianalisis semula selepas menggugurkan item EKI_8, EKI_16, EKI_17, EKI_18, EKI_19, EKI_25, EKI_29 dan EKI_31	204

Rajah 4.13	(b) Model dianalisis semula selepas menggugurkan item EKI_20 dan EKI_24	206
Rajah 4.14	(c) “Fitness Indexes” selepas e34 dan e35, e33 dan e35, e33 dan e34, e32 dan e34, e32 dan e33, e30 dan e33, e30 dan e32, e27 dan e33, e26 dan e27, e22 dan e35, e22 dan e23, e21 dan e26, e21 dan e23, e21 dan e22, e14 dan e15, e13 dan e27, e13 dan e14, e12 dan e14, e11 dan e22, e11 dan e12, e10 dan e22, e10 dan e12, e10 dan e11, e9 dan e33, e9 dan e32, e9 dan e30, e9 dan e10, e6 dan e7, e5 dan e34, e5 dan e23, e5 dan e6, e4 dan e34, e4 dan e32, e4 dan e26, e3 dan e33, e3 dan e32, e3 dan e30, e3 dan e4, e2 dan e33, e2 dan e32, e2 dan e4, e2 dan e3, e1 dan e33, e1 dan e30, e1 dan e27, e1 dan e9, e1 dan e4, e1 dan e3, dan e1 dan e2 “ <i>free parameter estimate</i> ”	212
Rajah 4.15	Model AMOS untuk mengkaji “discriminant validity” antara “exogenous construct”	214
Rajah 4.16	Analisis Kolerasi antara model pengukuran Faktor Dalaman dan Faktor Luaran	215
Rajah 4.17	Menganalisis Semula gabungan model pengukuran Faktor Dalaman dan Faktor Luaran selepas e9 dan FDN, e8 dan eFLN, e8 dan FDN, e7 dan FLN, e6 dan e17, e10 dan FLN, e10 dan FDN, e6 dan e17, e11 dan FDN, dan e8 dan e11 “ <i>free parameter estimates</i> ”	218
Rajah 4.18	Perwakilan Model Dalam Bentuk Grafik AMOS Untuk Menguji Etika Kerja Islam Sebagai Pembolehubah Penyederhanaan	221
Rajah 4.19	Output AMOS yang menunjukkan “beta coefficients”, “variances”, and “covariance”	222
Rajah 5.1	Model Etika Kerja Islam dan Niat Melakukan Rasuah	292

## SENARAI SINGKATAN

CFA	-	<i>Confirmatory factor Analysis</i>
CPI	-	<i>Corruption Perceptions Index</i>
EKI	-	Etika Kerja Islam
EOA	-	<i>Expert Opinion Assessment</i>
FD	-	Faktor Dalaman
FL	-	Faktor Luaran
GTP	-	<i>Government Transformation Programme</i>
IIM	-	Institut Integriti Malaysia
NACP	-	<i>National Anti Corruption Plan</i>
NKRA	-	<i>National Key Result Area</i>
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
SEM	-	<i>Structural Equation Modeling</i>
SOP	-	<i>Standard Operating Procedures</i>
SPRM	-	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
TPB	-	<i>Theory Planned Behaviour</i>

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Surat pengesahan menjalankan penyelidikan daripada UTM	339
Lampiran B	Maklumbalas daripada Pejabat SPRM, Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat, Putrajaya	340
Lampiran C	Maklumbalas daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Sumber Manusia	342
Lampiran D	Borang Soalselidik	344
Lampiran E	Borang Soalan Temubual “Expert Opinion Assessment”	353
Lampiran F	Senarai Penerbitan	364

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pengenalan Kajian**

Bab ini membincangkan tentang konsep rasuah secara makro dan mikro di samping mengupas isu-isu tentang rasuah di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta peranan Etika Kerja Islam sebagai satu kawalan dalaman kepada individu kakitangan awam di PBT untuk menjauhi rasuah. Selain itu bab ini juga membincangkan tentang pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan batasan kajian.

### **1.2 Latar Belakang Masalah**

Rasuah bukanlah merupakan fenomena baru dalam sejarah peradaban manusia. Ianya telah menjadi bahan kajian sejak 2400 tahun dahulu. Kajian oleh Syed Hussein Al-Atas (1995) menunjukkan bahawa rasuah telah bermula sejajar dengan kehidupan manusia iaitu ketika organisasi kemasyarakatan yang kompleks mulai muncul. Implikasi rasuah amat besar kerana ia boleh menyebabkan kejatuhan sesebuah negara dan tokoh-tokoh pemimpin yang tersohor. Antaranya Ceausescu iaitu pemerintah diktator kerajaan Romania; Raja Shah Reza Pahlavi dari Iran; Presiden Ferdinand Marcos dari Filipina dan Presiden Richard Nixon dari Amerika Syarikat, telah tumbang akibat skandal rasuah (Mohd Shauki, 2004). Begitu juga kejatuhan pemerintahan kerajaan Khalifah Uthamaniah di Turki di mana budaya rasuah telah berakar di peringkat bawahan hinggalah kepada pegawai atasan (Aizuddinur, 2013). Sejarah Malaysia turut membuktikan bahawa kejatuhan kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka adalah disebabkan amalan rasuah yang berleluasa di kalangan pembesar istana pada masa tersebut (Md. Zyadi, Sanep, & Mohd. Hafiz, 2008). Landskap politik di Malaysia ketika ini pula memperlihatkan

bahawa amalan rasuah telah membawa kepada kejatuhan sebuah kerajaan yang telah lama memerintah dan telah berusia 61 tahun. Ini seiring dengan kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia di dalam Buku Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 dimana kejadian rasuah yang berleluasa dalam negara telah menyebabkan rakyat menyalurkan kemarahan mereka melalui peti undi yang membawa kepada perubahan kerajaan dan menumbangkan parti yang memerintah negara sejak kemerdekaan. Musnahnya tokoh-tokoh serta kerajaan tersebut memberikan implikasi yang hebat terhadap kehidupan dan kelangsungan sesuatu ekonomi tersebut. Menurut Rose-Ackerman (1999) rasuah boleh merencatkan pertumbuhan ekonomi dan merendahkan kadar pelaburan (Fahim Al-Marhubi, 2000). Amalan rasuah akan merugikan negara, bukan setakat mencemarkan imej kerajaan tetapi juga mengurangkan pendapatan negara (Sharifah Hayaati, Asmak & Mohd Izani, 2009). Kenyataan ini selaras dengan dapatan kajian seorang ahli ekonomi iaitu Paolo Mauro (1997) yang mendapati bahawa apabila rasuah meningkat sebanyak 2% pada skala *Corruption Perception Index (CPI)*, pertumbuhan ekonomi akan merosot sebanyak 0.5% dan pelaburan akan berkurangan sebanyak 4%. Rasuah juga akan meningkatkan kos kerana para pelabur akan memasukkan bayaran yang diperlukan untuk wang suap dan mengupah orang tengah ke dalam kos jualan (Anis Yusal, Sri Murniati & Jenny, 2014).

Pelbagai usaha telah dilakukan bagi menangani rasuah. Seawal kurun keempat Sebelum Masehi, Kautilya iaitu Perdana Menteri Kerajaan India ketika itu telah memperkenalkan dan memperincikan strategi-strategi yang boleh digunakan untuk membatasi amalan rasuah. Antara strateginya ialah pertukaran jabatan bagi kakitangan awam, peningkatan profesionalisme dan kesetiaan kerja serta menggalakkan orang awam melaporkan penyelewengan (atau dikenali sebagai *whistle blowing*). Walaubagaimanapun usaha ini masih tidak dapat membendung amalan rasuah. Ancaman rasuah kini bukan lagi merupakan masalah berasingan yang dihadapi oleh sesebuah negara tetapi lebih merupakan masalah global dan menjadi salah satu agenda perbincangan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Kamarudin, 2004). Namun ini tidak bermakna kita harus berpeluk tubuh dan membiarkan sahaja amalan rasuah ini. Usaha bagi menanganinya harus dipertingkatkan atau strategi harus diperhalusi bagi mengatasinya. Di Malaysia usaha memerangi rasuah melalui penguatkuasaan undang-undang telah bermula sejak dua ratus tahun lalu apabila



majistret pertama Pulau Pinang telah dipecat kerana disabitkan atas kesalahan rasuah (Anis Yusal et al., 2014). Begitu juga usaha pencegahan rasuah melalui program penerapan nilai-nilai murni dan etika kerja Islam (EKI) telah diperkenalkan dalam pentadbiran awam di Malaysia. Namun begitu rasuah terus menular sehingga ke hari ini. Kajian oleh Mohamad Khadafi, (2015) mendapati bahawa pelaksanaan etika kerja Islam dalam institusi dan organisasi di Malaysia hanya di tahap memuaskan, tidak bersifat menyeluruh serta masih wujud kelemahan yang perlu diperbaiki terutama dari sudut individu. Oleh itu, semua pihak perlu mempertingkatkan usaha dengan bekerja lebih keras dan efisien untuk menangani gejala rasuah ini (Akhbar Satar, 2013).

Berdasarkan fenomena rasuah yang semakin kompleks dan menjadi perbincangan umum di serata dunia, ianya telah menarik minat para sarjana untuk mengkaji rasuah dari pelbagai perspektif sama ada sudut ekonomi, pengurusan, sosiologi, psikologi sosial, kriminologi, sains politik dan etika perniagaan. Kajian rasuah di Malaysia antaranya ialah berkaitan sifat dan sebab rasuah (Syed Hussein Alatas, 1995), rasuah dalam karya sastera Melayu (Norhashimah dan Rozaimah, 2008), rasuah dan undang-undang (Zaiton, Zaharah dan Habibah, 2012; Mohamad Fauzi, 2001), rasuah sektor swasta (Asiah & Sharifah Nuridah, 2008), rasuah di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (Mohd Koharuddin, et.al 2010; Nurhafilah, 2015), rasuah dan ekonomi (Sarah Dina & Mohd Adib, 2013; Md. Zyadi et al., 2008), kesan rasuah (Norhafifi, 2013, Mohamad Yusoff, 2010), kaedah menangani rasuah (Mohd Zaini, 2008; Naim, 1995; Nik Rosnah, 2008; Nur Syakiran & Md Zawawi, 2004). Walaubagaimanapun kebanyakan kajian rasuah di Malaysia ini menjurus kepada perbincangan secara makro dan tidak menekankan kajian rasuah dari perspektif individu. Penelitian terhadap kajian-kajian lepas mendapati terdapat jurang yang perlu diisi khususnya keperluan kepada kajian berkaitan individu yang terdedah dengan rasuah seperti penjawat awam di PBT. Kajian terhadap penjawat awam di PBT menjadi keperluan kerana mereka merupakan jentera utama di peringkat kerajaan ketiga yang kedudukannya paling hampir dengan rakyat dan sering terdedah dengan gejala rasuah semasa memberikan perkhidmatan (Mohamad Tayib, 2004).

Tambahan pula pada masa kini, kajian terdahulu terhadap tingkahlaku rasuah masih kurang dilakukan kerana keberatan penyelidik untuk mengkaji serta menguji teori dan model-model pembuatan keputusan etika atau tingkahlaku tidak beretika disebabkan sifat penyelidikan etika itu sendiri yang agak sensitif (Bass, Barnett, & Brown, 1999) mengakibatkan bukti empirikal bagi menyokongnya tidak lengkap dan teori-teori serta model-model ini tidak dapat disahkan (Bartlett, 2003). Oleh itu kajian ini dilakukan bagi menambah jumlah kajian berkaitan rasuah.

Selain itu kebanyakan kajian oleh para sarjana barat mencadangkan program etika dan kod etika kerja sebagai salah satu usaha untuk menyelesaikan masalah rasuah. Contohnya kajian oleh Rabl & Kuhlmann (2008) dan Pelletier & Bligh, (2006). Kedua-dua kajian ini menekankan peranan organisasi untuk menerapkan etika kerja kepada kakitangannya melalui program etika dan pengenalan kepada polisi serta kod etika kerja dalam organisasi. Namun begitu penerapan nilai etika yang dicadangkan adalah lebih kepada nilai universal dan tidak menyentuh kepada nilai spritual yang bersifat ketuhanan. Etika Kerja Barat dan Etika Kerja Islam (EKI) adalah berbeza dari sudut prinsip dan matlamatnya. Para sarjana barat lebih menekankan perbincangan tentang etika yang bersifat sekular iaitu pemisahan antara agama dengan kehidupan (Mohamad Khadafi, 2015). Selain itu juga perbincangan etika kerja yang diterajui oleh Barat lebih menonjolkan aspek fizikal dan material berbanding spritual. Teori-teori dari Barat lazimnya terhasil dari kajian ilmiah yang menggunakan dasar epistemologi iaitu menggunakan metod empirikal yang bersandarkan kepada pancaindera manusia semata-mata (Mohamad Khadafi, 2015). Sudah tentunya kebenaran yang terhasil daripada pancaindera tidak boleh diyakini sepenuhnya kerana sikap dan pemikiran manusia banyak melakukan kesalahan dan kesilapan (Al-Ghazali, 1987). Kajian yang dibuat oleh para sarjana Barat meletakkan akal fikiran manusia sebagai ukurtara utama dalam segala penilaian. Peranan Tuhan, peranan kenabian, peranan kitab-kitab bersumber wahyu tidak menjadi relevan dan bukan menjadi sumber rujukan. Akibatnya nilai, sikap dan undang-undang boleh diubah mengikut keperluan dan desakan semasa. Ini adalah bertentangan dengan kajian dari perspektif Islam dimana nilai-nilai spritual dan fizikal perlu sentiasa seiring dalam menyelesaikan masalah rasuah (Mohd Yusuf & Abdullah, 2010)

Keadaan yang dinyatakan ini merupakan antara kelompangan yang boleh dibuat penambahbaikan dengan menfokus kepada Etika Kerja Islam yang bersumberkan al-Quran sebagai pembolehubah penyederhanaan dalam kajian ini. Pengajaran serta kandungan dalam al-Quran adalah ciptaan Allah iaitu pencipta sekalian alam.

Sehubungan dengan itu, masyarakat dan penjawat awam di Asia khususnya di Malaysia melihat persoalan etika lebih kepada perspektif keagamaan dan budaya kerana sebahagian besar penjawat awam di negara ini terdiri daripada orang Melayu-Islam dan dipengaruhi oleh ajaran Islam dalam kehidupan. Islam merupakan teras kepada budaya orang-orang Melayu. Lantaran itu sebahagian nilai Islam ini pula telah diserap ke dalam nilai-nilai teras etika perkhidmatan awam melalui pelbagai program dan dasar antaranya yang paling awal ialah Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam (Asma, 1996). Nilai-nilai teras yang diserapkan daripada Etika Kerja Islam pula bersifat universal menjadikannya sesuai untuk diterapkan dan diamalkan oleh penjawat awam bukan Melayu (Mohd Koharuddin, 2012). Melalui konsep Etika Kerja Islam seseorang akan bekerja bersungguh-sungguh, berdedikasi dan amanah. Sesungguhnya kehendak manusia tidak terbatas tetapi ianya dapat diatasi melalui keyakinan dan ketekunan. Jika setiap individu optimis dalam kerjaya atau usaha, kejayaan pasti menjadi miliknya. Ini dapat mengelakkan individu daripada mengharap sesuatu habuan secara mudah seperti rasuah. Selain itu Etika Kerja Islam mendorong seseorang untuk mengerjakan kebaikan dan meninggalkan kejahatan atau *amar makruf nahi munkar*. Ini kerana setiap perbuatan walau sekecil zarah sekalipun tidak akan terlepas dari pandangan dan pengawasan Allah swt. Individu penjawat awam yang merasakan bahawa tingkah lakunya diperhatikan maka beliau tidak akan berani menerima rasuah.

Antara Kekurangan kajian tentang rasuah yang dibuat oleh para sarjana barat ialah kecenderungan penjelasan kejadian rasuah dan cadangan pencegahan kepada nilai-nilai yang bersifat sekular (Andvig & Fjeldstad, 2001; Coleman, 1998), sosial (Rose-Ackerman, 2013), jenayah (Palmer & Maher, 2006), sains politik (Chang & Chu, 2006; Montinola & Jackman, 2002); organisasi (Ashforth & Anand, 2003; Constant, 2010; Pelletier & Bligh, 2006; Rabl & Kuhlmann, 2009). Nilai-nilai yang

bersifat sekular ini meletakkan pemikiran dan amalan kehidupan semasa dipisahkan dari aspek keagamaan (Mohd Yusuf Zuhri & Abdullah Othman, 2010). Kajian yang dibuat oleh para sarjana Barat meletakkan akal fikiran manusia sebagai ukurtara utama dalam segala penilaian. Peranan Tuhan, peranan kenabian, peranan kitab-kitab bersumber wahyu tidak menjadi relevan dan bukan menjadi sumber rujukan. Akibatnya nilai, sikap dan undang-undang boleh diubah mengikut keperluan dan desakan semasa. Ini adalah bertentangan dengan kajian dari perspektif Islam dimana nilai-nilai spritual dan fizikal perlu sentiasa seiring dalam menyelesaikan masalah rasuah (Mohd Yusuf & Abdullah, 2010). Justeru itu pengkaji merasakan keperluan untuk satu kajian akademik bagi membincangkan rasuah dari perspektif Islam. Kajian ini juga dilakukan adalah untuk menambah khazanah keilmuan berkaitan peranan Etika Kerja Islam (EKI) terhadap niat rasuah kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan.

Dalam hal ini, pengkaji menekankan perbincangan kepada penambahbaikan *Model of Corrupt Action* yang telah dibangunkan oleh Rabl dan Kuhlmann (2008). *Model of Corrupt Action* menerangkan tentang *desire, attitude* dan *subjective norm* mempengaruhi niat seseorang untuk mencapai matlamat peribadi dan organisasi melalui tingkahlaku rasuah. Berbeza dengan kerangka model yang dibangunkan dalam kajian ini yang mencadangkan faktor dalaman dan luaran mempengaruhi niat rasuah kakitangan PBT. Kaedah penyampaian serta penerangan berkaitan kerangka model ini adalah selari dengan perspektif Islam dan disesuaikan dengan tajuk serta skop kajian di Malaysia. Pada hemat pengkaji, cadangan kerangka model rasuah yang dibangunkan ini adalah sangat penting kepada semua pihak dalam usaha menangani rasuah bukan sahaja di kalangan penjawat awam di PBT tetapi juga kepada setiap individu yang bergelar penjawat awam. Walaubagaimanapun *Model of Corrupt Action* yang dijadikan rujukan dalam kajian ini hanya menfokuskan kepada faktor-faktor yang membawa kepada kejadian rasuah. Ia tidak mencadangkan keadah pencegahan dan kawalan terhadap tingkahlaku rasuah. Berbeza dengan perbincangan dalam kajian ini yang mencadangkan EKI sebagai penyederhanaan kepada niat untuk melakukan rasuah. Nilai-nilai yang dizahirkan dalam EKI ini perlu dihayati dan diamalkan dalam kehidupan sebagai seorang pekerja khususnya penjawat awam supaya amalan rasuah dapat dihindari.

### 1.3 Latarbelakang Rasuah di Malaysia

Rasuah diibaratkan sebagai musuh kepada negara kerana ianya memusnahkan niat murni kerajaan untuk membantu rakyat. Ianya juga boleh menggagalkan pelaksanaan dasar kerajaan yang telah dirancang rapi. Berlakunya rasuah menunjukkan petanda bahawa negara sedang dilanda keruntuhan moral dan etika (Kamal Hassan, 2004). Pihak kerajaan melalui *Government Transformation Programme* (GTP) telah menggariskan pelbagai usaha membanteras rasuah di sektor awam. Kepentingan usaha ini dapat dilihat di mana salah satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Result Area* (NKRA) ialah menjadikan Malaysia negara yang bebas dari rasuah (Sarah Dina & Mohd Adib, 2013).

Pada 29 Januari 2019, Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Muhammad telah melancarkan secara rasminya Pelan Antirasuah Nasional atau *National Anti Corruption Plan* (NACP). Matlamat utamanya adalah untuk memastikan pengurusan pentadbiran kerajaan bebas dari amalan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan serta mencapai aspirasi nasional “ Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”. Manakala objektif NACP yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri (2019) adalah sebagaimana berikut:

- i. Menyediakan halatuju dan kerangka tindakan pencegahan rasuah yang berstruktur dan jelas
- ii. Mewujudkan sinergi antara pelbagai agensi dalam memaksimumkan penggunaan pelbagai sumber dan idea dalam tindakan pemantapan integriti, tadbir urus dan antirasuah.
- iii. Meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam pentadbiran kerajaan sekaligus mengurangkan amalan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa.
- iv. Meningkatkan imej negara sebagai sebuah negara yang bebas rasuah dan berintegriti.

Selain daripada mewujudkan NKRA pada tahun 2010 dan NACP pada tahun 2019, kerajaan juga telah melakukan pelbagai usaha sebelum ini untuk membentaras rasuah antaranya dengan melancarkan kempen-kempen penerapan nilai-nilai murni seperti Penerapan Nilai-Nilai Islam (1989), Gerakan Budaya Kerja Cemerlang (1989), Kepimpinan Melalui Teladan (1983) dan Kempen Bersih, Cekap dan Amanah (1989). Usaha ini bermatlamat untuk menyediakan panduan agar dijadikan pegangan utama penjawat awam dalam menjalankan tugas disamping memastikan gejala rasuah di kalangan di sektor awam dapat diperangi secara holistik.

Pengukuran tahap rasuah di Malaysia adalah menggunakan CPI iaitu indeks yang menggabungkan beberapa sumber data yang disusun dalam skala 0 hingga 10. Kaedah ini merupakan langkah mengukur rasuah yang paling kerap digunakan di seluruh dunia (Anis Yusal et al., 2014). Dalam indeks ini, sesebuah negara itu perlu mengemukakan sekurang-kurangnya tiga sumber data untuk dimasukkan dalam ranking CPI dan Malaysia menggunakan sumber-sumber data di bawah bagi dipertimbangkan dalam kedudukan CPI iaitu :

i. *Transformation Index Bertelsmann Foundation*

Penilaian pakar ke atas tahap transformasi dan pengurusan prestasi sesebuah negara. Penilaian dibuat dengan melihat sejauhmana penjawat awam yang menyalahgunakan kedudukan dihukum dan setakat mana kejayaan kerajaan membendung rasuah.

ii. *Country Risk Assessment*

Direkabentuk untuk para pembuat dasar di seluruh dunia bagi menyediakan analisis berkenaan risiko pendedahan kewangan. Rasuah dinilai menggunakan soalan yang berkaitan penyalahgunaan dana awam oleh para menteri dan juga penjawat awam untuk kepentingan peribadi.

iii. *Global Insight Country Risk Rating*

Penilaian ini mencerminkan persepsi para pakar terhadap tahap masalah di negara-negara yang dinilai. Penarafan ini menilai berbagai jenis rasuah daripada wang suap hinggalah kepada rasuah politik atasan. Skor diberikan kepada setiap negara berasaskan penilaian kualitatif terhadap rasuah di setiap negara.

iv. *The World Competitiveness Year Book*

Tinjauan yang meneliti bagaimana iklim sosiopolitik dan ekonomi sesebuah negara memberi kesan terhadap daya saing korporat serta melihat kewujudan rasuah.

v. *Bribe Payers Survey – Transparency International*

Transparency International adalah pertubuhan masyarakat sivil yang menghasilkan CPI. Bribe Payers Survey merupakan soal selidik kepada para eksekutif perniagaan di 30 negara tentang rasuah di tempat mereka beroperasi dan berurusan. Penilaian yang dibuat menekankan kepada penglibatan penjawat awam dalam menerima dan meminta rasuah serta sejauhmana dana awam digunakan untuk kepentingan peribadi.

vi. *Executive Opinion Survey – Forum Ekonomi Dunia*

Forum Ekonomi Dunia adalah sebuah badan bebas yang bekerjasama dengan para peniaga, pemimpin dan ahli akademik untuk membentuk agenda global. Tinjauan yang dilakukan melibatkan para eksekutif perniagaan untuk menganggarkan sejauhmana rasuah menyebabkan dana awam mengalir kepada syarikat, individu atau kelompok tertentu.

Berdasarkan sumber yang dinyatakan di atas, dapat dilihat bahawa data CPI adalah bergantung kepada pandangan pakar dan eksekutif perniagaan atau individu yang berurusan dengan sektor awam sahaja. Mereka menilai rasuah melalui pengalaman dalam berurusan dengan sektor awam di sesebuah negara. Ini bermakna persepsi yang baik terhadap sektor awam akan memberikan skor yang tinggi dalam CPI. Skor indeks ini menggambarkan kedudukan relatif sesebuah negara dalam carta

rasuah antarabangsa (Jabatan Perdana Menteri, 2019). Kedudukan Malaysia dalam CPI dapat dilihat seperti dalam jadual di bawah :

Jadual 1.1 *Corruption Perceptions Index (CPI) dari Tahun 2009 hingga 2019*

<b>Tahun</b>	<b>Mata</b>	<b>Kedudukan</b>
2009	4.5	56
2010	4.4	56
2011	4.3	60
2012	4.9	54
2013	5.0	53
2014	5.2	50
2015	5.0	54
2016	4.9	55
2017	4.7	62
2018	4.7	61
2019	5.3	51

Sumber: *Transparency International, 2019*

Statistik di atas menggambarkan kedudukan Malaysia dalam CPI bagi tempoh 10 tahun dari 2009 hingga 2019. Kedudukan Malaysia bertambah baik dengan peningkatan yang ketara dalam CPI pada 2019 iaitu berada pada kedudukan 51 berbanding kedudukan 61 pada tahun 2018. Skor CPI pula juga meningkat dengan ketara dengan mendapat 53 mata iaitu peningkatan enam mata daripada 47 pada tahun 2018. Presiden *Transparency International Malaysia (TI-M)*, Dr Muhammad Mohan, menjelaskan ‘pemulihan’ imej Malaysia didorong tindakan tuntas kerajaan dalam merungkai skandal seperti *1 Malaysia Development Berhad (1MDB)*, *SRC International Sdn Bhd (SRC)*, FELDA dan Tabung Haji, pasca keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Di peringkat ASEAN, Malaysia berada di belakang Singapura yang berada pada kedudukan ke-74 dan Brunei berada dalam kedudukan yang ke 35 iaitu berdasarkan CPI tahun 2019. Untuk seiring dengan negara maju seperti Singapura, tahap rasuah dalam negara perlu berada pada tahap yang minimum supaya dapat bersaing di pentas ekonomi global (Mohamad Ezam & Sapto Waluyo, 2010). Walaupun kedudukan Malaysia dalam CPI telah bertambah baik namun gejala rasuah ini belum dapat dihapuskan sepenuhnya. Masih ada lagi individu yang melibatkan diri dengan rasuah terutama di kalangan penjawat awam iaitu



berdasarkan tangkapan serta aduan kes rasuah yang di dedahkan oleh pihak SPRM. Dalam usaha untuk mengatasi masalah ini, peranan penjawat awam itu sendiri merupakan perkara yang sangat penting dalam membentuk sikap dan tingkahlaku yang baik terutamanya semasa menyampaikan perkhidmatan kepada orang awam.

Untuk lebih memahami dan menghayati senario rasuah ini, pengkaji akan menfokus perbincangan seterusnya kepada rasuah di kalangan kakitangan awam di PBT. Ini adalah kerana PBT merupakan Kerajaan Peringkat Ketiga yang memberikan perkhidmatan terus kepada rakyat. Namun begitu dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat, PBT seringkali dikaitkan dengan gejala rasuah. Penglibatan kakitangan PBT dengan amalan rasuah kerap kali diperkatakan kerana kedudukannya paling hampir dengan rakyat (SUK Johor, 2003).

#### **1.4 Latar belakang dan Fungsi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

PBT merupakan kerajaan peringkat ketiga dalam struktur kerajaan Malaysia selepas kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri (Mohamad Tayib, 2004). PBT merupakan satu medium perantaraan antara kerajaan dan rakyat dalam menjaga kesejahteraan dan kebajikan rakyat. Kewujudan PBT ini telah dinyatakan secara khusus dalam perlembagaan dan ianya mempunyai kedudukan yang sah dalam struktur pentadbiran kerajaan Malaysia di bawah bidang Kerajaan Negeri masing-masing (Perkara 4, Senarai 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia). Kewujudan PBT adalah bagi memudahkan pentadbiran sesebuah Kerajaan Negeri (Mohamad Tayib, 2004).

PBT merangkumi Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Berdasarkan portal rasmi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2015), jumlah PBT di Malaysia adalah sebanyak 149. Daripada jumlah tersebut terdapat sebanyak 15 adalah PBT di negeri Johor iaitu yang terdiri daripada dua Majlis Bandaraya, enam Majlis Perbandaran dan tujuh Majlis Daerah. Peranan dan tanggungjawab PBT ditakrifkan secara jelas dalam Akta 171 iaitu Akta Kerajaan Tempatan 1976. Selain dari Akta 171, PBT juga menerima pakai dua lagi

akta lain iaitu Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 dan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976. Pemakaian akta-akta ini sebagai rujukan penting dalam pentadbiran PBT bagi menguatkan kedudukan dan kuasa PBT dalam mengendalikan dan melaksanakan segala aktiviti mereka. Fungsi dan aktiviti yang tersebut dapat dijelaskan sebagaimana Jadual 1.2.

Jadual 1.2 Fungsi dan aktiviti PBT

<b>Bil</b>	<b>Fungsi</b>	<b>Aktiviti</b>
1	Alam sekitar	Penyelenggaraan sistem perparitan dan pembentungan, pemasangan dan penyelenggaraan lampu jalan, kemudahan rekreasi, penanaman dan penyelenggaraan pokok, pembinaan dan pemeliharaan taman-taman awam.
2	Menyediakan kemudahan awam	Membina dewan dan balairaya, tandas awam, pasar awam, perpustakaan awam, jalanraya, pondok menunggu bas dan gerai.
3	Mengawal kebersihan dan kesihatan awam dalam kawasan pentadbiran	Memastikan kebersihan dan pelupusan sampah sarap, mengawal kebersihan premis perniagaan.
4	Sosial	Menyediakan kawasan riadah, taman permainan, dataran dan tempat ibadah.
5	Membina dan bertanggungjawab terhadap projek pembangunan	Projek perumahan, kompleks dan pusat membeli belah, pusat perniagaan dan komersial

Dalam Rancangan Malaysia kesebelas RMK-11 iaitu dari tahun 2016 hingga 2020, PBT telah dijadikan antara 5 bidang fokus utama dalam mewujudkan kerajaan yang berpaksikan rakyat serta meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam perkhidmatan awam. Dalam tempoh RMK-11, tumpuan akan diberikan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan pada peringkat tempatan dengan membangunkan kapasiti dan keupayaan PBT (MAMPU, 2015).

Walaupun PBT ini ditubuhkan untuk melicinkan pentadbiran setiap wilayah di Malaysia dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, namun terdapat beberapa kelemahan yang menyebabkan pengurusan dan pentadbiran PBT terjejas. Menurut Zulfadli (2011) masalah yang dihadapi oleh kebanyakan PBT adalah kelemahan sistem pentadbiran dan pengurusan serta sikap negatif sebahagian kakitangan PBT dalam melaksanakan tanggungjawab. Masalah ini boleh

menyebabkan kepincangan dalam pentadbiran PBT serta kelewatan dalam memberikan perkhidmatan.

Berdasarkan Laporan Tahunan SPRM (2014), perkhidmatan tidak efisien dan lambat boleh memberi ruang kepada gejala rasuah di kalangan penjawat awam di PBT. Berdasarkan kaji selidik pertubuhan anti rasuah, *Transparency International* (TI) Malaysia mendapati bahawa PBT adalah antara agensi paling terdedah kepada amalan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan di negara ini (Mohd Koharuddin *et al*, 2012).

## 1.5 Pernyataan Masalah

Statistik dari SPRM menunjukkan bahawa kadar tangkapan rasuah di kalangan penjawat awam di Malaysia termasuk kakitangan PBT telah meningkat daripada 224 orang (2014) kepada 465 orang (2016). Jumlah tangkapan secara terperinci mengikut kategori dapat dilihat berdasarkan statistik tangkapan di dalam Jadual 1.3.

Jadual 1.3 Tangkapan Rasuah Penjawat Awam ([www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my))

Tahun	Penjawat Awam						Awam (swasta, orang awam dan politik)		Jumlah
	Pengurusan Tertinggi & Pengurusan Profesional		Pelaksana		Jumlah		Bil	% dpd E	
	A	B	C	D	E				
Bil	% dpd C	Bil	% dpd C	Bil	% dpd E	Bil	% dpd E		
<b>2011</b>	91	28%	231	72%	323	35%	595	65%	918
<b>2012</b>	68	24%	220	76%	288	41%	413	59%	701
<b>2013</b>	47	28%	123	72%	170	33%	339	67%	509
<b>2014</b>	46	21%	178	79%	224	41%	328	59%	552
<b>2015</b>	91	22%	307	78%	398	47%	449	53%	847
<b>2016</b>	124	26%	341	74%	465	49%	471	51%	936
<b>2017</b>	114	28%	295	72%	409	47%	470	53%	879
<b>2018</b>	147	35%	273	65%	420	47%	475	53%	895

Sumber : SPRM, 2019

Kadar tangkapan rasuah di kalangan penjawat awam menunjukkan peningkatan dari tahun ke setahun. Statistik tangkapan ini menunjukkan gejala rasuah sektor awam masih lagi berlaku. Begitu juga bilangan tangkapan rasuah bagi kategori pengurusan atasan dan kategori pengurusan dan profesional telah meningkat dari tahun 2017 iaitu sebanyak 114 orang (28%) kepada 147 orang (35%) bagi tahun 2018. Penglibatan kumpulan ini dalam rasuah amatlah membimbangkan kerana mereka terlibat secara langsung dalam proses membuat keputusan, meluluskan permohonan dan merancang strategi bagi penguatkuasaan undang-undang. Ini sudah tentunya boleh menjejaskan kelancaran sistem penyampaian perkhidmatan dan penguatkuasaan undang-undang dalam sektor awam. Walaupun statistik tangkapan di atas belum menunjukkan jumlah penjawat awam yang didapati bersalah dalam kes rasuah, tetapi ianya membawa persepsi negatif ke atas penjawat awam

Ini sejajar dengan pandangan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Azam Baki, di mana rasuah dalam kalangan penjawat awam di negara ini dilihat sangat serius berbanding dengan 10 tahun dahulu. Berdasarkan statistik Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat SPRM sepanjang tahun 2016 sehingga Februari 2017 sebanyak 665 kertas siasatan telah dibuka yang melibatkan penjawat awam di negara ini. Seramai 548 penjawat awam telah ditangkap sepanjang tempoh berkenaan dan sebanyak 63 kes telah dituduh di mahkamah (Tan, 2017). Berikut adalah perangkaan SPRM berkaitan PBT.

Dalam konteks PBT data perangkaan SPRM dari tahun 2009 hingga 2012 adalah seperti di Jadual 1.4 :

Jadual 1.4 Perangkaan SPRM terhadap PBT

	<b>Maklumat aduan</b>	<b>Kertas Siasatan</b>	<b>Tangkapan</b>	<b>Tuduh</b>
<b>Dewan Bandaraya (DBKL)</b>	95	14	9	3
<b>Majlis Bandaraya</b>	132	10	3	1
<b>Majlis Perbandaran</b>	397	27	13	7
<b>Majlis Daerah</b>	434	39	8	4
<b>Jumlah</b>	1,058	90	33	15

Sumber : SPRM (2013)

Statistik di atas menunjukkan bahawa masih terdapat segelintir penjawat awam di PBT yang melibatkan diri dengan aktiviti rasuah. Ini mungkin kerana kedudukannya yang hampir dengan masyarakat dalam memberikan perkhidmatan telah membuka peluang berlakunya rasuah (Mohamad Tayib, 2004). Data di atas juga menunjukkan bahawa maklumat berkaitan penglibatan rasuah di kalangan kakitangan PBT di seluruh Malaysia adalah sebanyak 1,058. Namun begitu jumlah yang dituduh hanya 15 orang iaitu 1.4% daripada keseluruhan maklumat/aduan yang diterima oleh SPRM. Walaupun nilai ini adalah rendah secara perbandingan, ia tidak menggambarkan keadaan sesetengah aduan yang hanya dijalankan secara dalaman iaitu kertas siasatan tidak diaktifkan. Penglibatan sebahagian warga PBT ini dengan gejala rasuah telah memberikan persepsi buruk kepada keseluruhan pentadbiran PBT. Walaupun hanya sebilangan sahaja penjawat awam di PBT yang terlibat dengan rasuah tetapi ianya telah menyebabkan tahap kepercayaan terhadap perkhidmatan awam secara keseluruhannya terjejas (Anis Yusal et al., 2014). Berdasarkan sumber dari *Global Corruption Barometer 2017* di dalam Buku Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023, Pegawai yang paling terlibat dengan rasuah adalah antaranya ialah mereka yang terdiri daripada pegawai polis, pemungut hasil dan ahli majlis tempatan (Jabatan Perdana Menteri, 2019). Ini memperlihatkan bahawa PBT merupakan salah satu agensi kerajaan yang sering terdedah kepada gejala rasuah.

Masalah rasuah juga merupakan antara masalah yang sedang dihadapi oleh PBT Negeri Johor. Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada Laporan keputusan perbincangan dan Resolusi Forum Integriti Politik bersama Ahli Majlis Kerajaan Tempatan Negeri Johor pada 16 Oktober 2008 yang menyatakan bahawa amalan rasuah memang benar-benar berlaku di kalangan penjawat awam PBT negeri Johor. Menurut laporan tersebut antara sebab utama rasuah berlaku antaranya ialah kerana terpaksa, pendapatan tidak mencukupi, sikap tamak, tempoh perkhidmatan yang lama dalam sesuatu jabatan, amalan pemberian hadiah, kuasa, kelewatan proses, penguatkuasaan yang lemah, sistem birokrasi dan kurangnya pemahaman tentang agama dan sivik (Mohd Koharuddin, 2012).

Jadual 1.5 Statistik Maklumat Rasuah Terhadap PBT Negeri Johor bagi Tahun 2010 hingga 2015

STATISTIK MAKLUMAT TERHADAP PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI NEGERI JOHOR BAGI TAHUN 2010 SEHINGGA 2015																									
BIL	PBT	MAKLUMAT						KERTAS SIASATAN						TANGKAP						TUDUH					
		2010	2011	2012	2013	2014	2015	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2010	2011	2012	2013	2014	2015
1	MBJB	15	13	14	14	5	5	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
2	MPBP	4	8	5	20	4	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
3	MPJBT	2	9	4	6	5	2	0	1	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
4	MPK	19	2	9	4	5	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
5	MPKu	3	0	3	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
6	MPM	7	7	3	6	3	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
7	MPPG	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
8	MDKT	6	9	0	0	2	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
9	MDL	0	0	0	0	0	3	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
10	MDM	2	1	0	11	1	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
11	MDP	6	1	0	3	4	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
12	MDS	5	0	0	0	0	2	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0
13	MDSR	7	2	1	0	0	1	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0
14	MDT	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
15	MDYP	2	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	JUMLAH	78	53	42	65	30	23	2	2	0	0	1	1	2	1	0	0	0	0	2	0	0	0	0	0

Sumber: Cawangan Rekod Operasi dan Statistik, SPRM

Maklumat dalam Jadual 1.5 di atas diperolehi daripada Cawangan Rekod Operasi dan Statistik, SPRM. Statistik tersebut menunjukkan sebanyak 291 maklumat atau aduan tentang penglibatan penjawat awam PBT di negeri Johor dari tahun 2010 hingga 2015. Namun hanya dua kes sahaja yang telah dituduh di mahkamah. Ini menunjukkan bukti bahawa keprihatinan masyarakat terhadap salah laku rasuah adalah tinggi terutamanya kepada penjawat awam di PBT kerana kedudukannya yang paling hampir dengan rakyat. Penglibatan sebahagian kecil daripada mereka telah memberikan persepsi negatif masyarakat terhadap penjawat awam secara keseluruhannya. Masyarakat kini amat peka dan perihatin terhadap tingkahlaku dan tindakan yang dilakukan oleh penjawat awam di PBT. Keprihatinan masyarakat ke atas etika kerja penjawat awam begitu tinggi sekali terutamanya tuntutan terhadap ketelusan, akauntabiliti dan kecekapan sektor awam (Mohd Koharuddin et al., 2012). Begitu juga apa yang berlaku sejak-akhir-akhir ini di mana kes rasuah yang melibatkan penjawat awam semakin kerap dilaporkan di dada akhbar. Walaupun berita yang dilaporkan belum pastinya penjawat awam tersebut disabitkan atas kesalahan rasuah tetapi ini menunjukkan satu imej yang buruk kepada penjawat awam. Petikan rencana yang dipaparkan antaranya ialah seperti berikut:

Jadual 1.6 Kes rasuah yang dilaporkan di Akhbar

<b>Akhbar/Tarikh</b>	<b>Isu/Rencana</b>
Bernama.com/ 22 Oktober 2009	Juruteknik Majlis Daerah Mersing didakwa rasuah
mStar/ 06 Januari, 2010	Setiausaha Majlis Daerah Simpang Renggam didakwa menerima rasuah RM 50,000
Kenyataan Media SPRM / 04 April 2013	Penguatkuasa wanita MPJBT dipenjara 1 tahun dan denda RM 10,000 kerana menerima rasuah RM 500
Sinar Harian / 26 Januari 2016	Seorang Pegawai Tadbir di Daerah Kecil Labis di tahan SPRM berhubung kes mengambil rasuah dari kontraktor yang bernilai RM 14,000 berkaitan dengan peruntukan projek bernilai RM5 juta
Bernama/ 06 Februari 2018	Rasuah: Penolong Pegawai Kesihatan Segamat ditahan SPRM
Berita Harian / 13 Februari 2018	SPRM Johor siasat 74 aduan babit PBT

Di samping itu, pendedahan Ketua Audit Negara dalam Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan pada setiap tahun juga dirujuk sebagai satu sumber

maklumat untuk melihat penglibatan penjawat awam yang diamanahkan untuk menguruskan kewangan agensi kerajaan dalam berbagai kesalahan melibatkan salahguna kuasa, penyelewengan, ketirisan serta kecuaiian dalam menjalankan tugas. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 terdapat 378 teguran audit yang melibatkan 121 kes. 99 kes telah selesai iaitu sebanyak 169 pegawai dan 77 orang daripadanya telah dijatuhi hukuman oleh Lembaga tatatertib. Baki sebanyak 22 kes sedang dalam siasatan iaitu 11 kes daripadanya adalah dalam siasatan SPRM. Kenyataan ini ditunjukkan dalam jadual 1.7.

Jadual 1.7 Teguran Audit Bagi Tahun 2012

Jumlah Teguran Audit tahun 2012	Jumlah kes	Kes selesai	Kes dalam siasatan	
		Tatatertib	Lembaga Tatertib	SPRM
378	121	99	11	11

Sumber : Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012

Keadaan ini seiring dengan teguran yang dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara berkaitan ketirisan pengurusan kewangan dan ketidakcekapan penjawat awam PBT dalam menjalankan tugas yang diamanahkan. Teguran Audit terbahagi kepada dua iaitu *corrective* (penambahbaikan peraturan, prosedur dan proses kerja) dan *punitive* (melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salahlaku atau kecuaiian pelaksanaan tugas). Sehubungan dengan itu berikut adalah maklumat berkaitan teguran Audit terhadap PBT di negeri Johor dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2010 hingga 2016.

Jadual 1.8 Teguran Audit Bagi PBT Negeri Johor Bagi tahun 2010-2016

Tahun	Nama PBT	Skop	Teguran
2010	Majlis Bandaraya Johor Bahru	Pembinaan Bangunan Tambahan Pejabat Majlis Bandaraya Johor Bahru	Pemberian Lanjutan masa yang tidak teratur. Perubahan skop kerja yang ketara dan perubahan harga kontrak tidak terikat. Tawaran kerja-kerja subkontraktor dinamakan tidak dibuat secara tender. Pembayaran penuh kerja bekalan yang tidak dilaksanakan/diterima.



<b>Tahun</b>	<b>Nama PBT</b>	<b>Skop</b>	<b>Teguran</b>
2011	Majlis Daerah Pontian	Penswastaan Pembangunan Komersial	Pulangan projek penswastaan kepada Majlis tidak setimpal dan kepentingan Majlis tidak dilindungi
	Majlis Daerah Simpang Renggam	Pengurusan Pasar Awam	Pemantauan terhadap kerja pembersihan tidak dibuat secara berjadual. Penguatkuasaan yang lemah menyebabkan pelanggaran undang-undang oleh peniaga terutamanya dari aspek kebersihan.
2012	Majlis Perbandaran Kulai	Program Penyelenggaraan Jalan Negeri	Kerja tidak mengikut spesifikasi dan kurang berkualiti. Tiada pemantauan rapi oleh pegawai yang bertanggungjawab menyebabkan jalan yang baru diturap rosak semula dalam tempoh setahun.
	Majlis Perbandaran Batu Pahat	Pengurusan Projek Pembangunan	Kerja tidak mengikut spesifikasi dan senarai kuantiti yang ditetapkan.  Pembinaan gerai dan kompleks niaga di lokasi yang kurang strategik
	Majlis Daerah Kota Tinggi	Pengurusan Projek Pembangunan	Kerja tidak mengikut spesifikasi kerja dan senarai kuantiti yang ditetapkan.
	Majlis Daerah Mersing	Pengurusan Gerai	Bayaran dibuat terhadap kerja yang tidak dilaksanakan Sewaan gerai kepada pihak ketiga tanpa kebenaran. Pengubahsuaian premis tanpa kebenaran
	Majlis Daerah Tangkak	Pengurusan Gerai	Penyelenggaraan rekod yang lemah (surat perjanjian) Pengubahsuaian premis tanpa kebenaran
2013	Majlis Bandaraya Johor Bahru	Pengurusan Perolehan	Perolehan dilakukan di lokasi yang kurang sesuai
	Majlis Daerah Simpang Renggam	Pengurusan Perolehan	Kerja pembinaan, pembekalan dan pemasangan tidak mengikut spesifikasi
	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	Pengurusan Taman Permainan Kanak-kanak	Taman permainan kanak-kanak tidak disenggara dengan sempurna dan tiada pemantauan terhadap kerja-kerja kontraktor yang dilantik
	Majlis Perbandaran Muar	Pengurusan Taman Permainan Kanak-kanak	Kawasan taman permainan dicerobohi dan didirikan struktur kekal secara haram
	Majlis	Pengurusan	Tiada tindakan susulan terhadap bil

<b>Tahun</b>	<b>Nama PBT</b>	<b>Skop</b>	<b>Teguran</b>
	Perbandaran Kluang	Pungutan Cukai Taksiran	cukai taksiran dan borang E yang dikembalikan
	Majlis Daerah Pontian	Pengurusan Pungutan Cukai Taksiran	Tiada tindakan susulan terhadap bil cukai taksiran dan borang E yang dikembalikan
2014	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	Pengurusan Perolehan	Perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja tidak dipelawa secara sebut harga
	Majlis Daerah Labis	Pengurusan Perolehan	Pesanan kerajaan/inden lewat disediakan
2015	Majlis Perbandaran Kulai	Pengurusan Perolehan	Pelaksanaan tidak mematuhi spesifikasi Perolehan perkhidmatan melebihi 50,000 setahun tidak dipelawa secara sebut harga Bayaran perolehan dijelaskan sebelum perkhidmatan diselesaikan
	Majlis Perbandaran Batu Pahat	Pengurusan Pelesenan dan penguatkuasaan Premis Perniagaan	Aktiviti perniagaan beroperasi tanpa lesen dan beroperasi dengan lesen yang telah tamat tempoh
2016	Majlis Daerah Pontian	Pengurusan Perolehan	Kajian pasaran tidak dilaksanakan di MDP berjumlah RM 0.63 juta Sebanyak lima perolehan di MDP berjumlah RM0.90 juta dan satu projek berjumlah RM0.98 juta tidak digunakan dan terbiar
	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	Pengurusan Perolehan	Perolehan bekalan peralatan paintball bernilai 0.23 juta tanpa lesen yang sah. Sebanyak dua perolehan bekalan dan kerja bernilai RM0.24 juta tidak mematuhi spesifikasi diettapkan, spesifikasi bagi tiga perolehan bekalan sejumlah RM0.54 juta tidak dinyatakan dengan lengkap dan terperinci.
	Majlis Perbandaran Kluang	Pengurusan Perolehan	Tiada pelantikan jawatankuasa spesifikasi kerja Sebanyak 182 atau 91.5% daripada 199 sampel perolehan kerja yang bernilai 18.53 juta lewat diperakui siap oleh pegawai penguasa antara satu hingga 261 hari Bayaran berjumlah RM159,904 telah dijelaskan sebelum perkhidmatan diterima sepenuhnya.

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 hingga 2016

Berdasarkan teguran audit di Jadual 1.8, dapat dilihat wujudnya beberapa kepincangan dalam sistem penyampaian perkhidmatan PBT. Walaupun teguran audit ini tidak dapat dikaitkan secara langsung dengan tingkahlaku rasuah namun ianya memberi satu gambaran adanya peluang yang boleh menimbulkan niat untuk melakukan rasuah. Kelemahan sistem penyampaian perkhidmatan PBT boleh membuka ruang seseorang penjawat awam untuk melakukan rasuah antaranya ialah dalam proses perolehan kerajaan (Wee et.al, 2011). Laporan GTP yang dikeluarkan oleh PEMANDU (2013) menyatakan bahawa perolehan kerajaan biasanya melibatkan wang berbilion-bilion ringgit untuk projek-projek kerajaan yang boleh menjadi lubuk rasuah. Ketirisan yang disebabkan oleh orang tengah, pembekal dan pegawai yang korup merupakan sebahagian daripada kelemahan proses perolehan kerajaan khususnya di PBT. Selain itu teguran audit juga memfokus kepada ketidakcekapan sistem penyampaian perkhidmatan PBT dalam pengurusan projek, pengurusan harta majlis dan pengurusan pungutan cukai. Kelemahan sistem tersebut boleh mengundang gejala rasuah dalam sistem penyampaian perkhidmatan PBT terutamanya dalam urusan pemberian projek kerajaan atau kelulusan sesuatu permohonan. Pandangan ini seiring dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri iaitu tiga bidang yang amat terdedah kepada rasuah adalah pengawal seliaan, penguatkuasaan dan pemerolehan kerajaan (Shukri, 2011). Kenyataan ini juga dapat disokong melalui laporan yang terkandung dalam Buku Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023, iaitu antara sektor yang cenderung kepada rasuah adalah perolehan (42.8%), Penguatkuasaan (23.9%), Pentadbiran (13.4%), Pelesenan dan Permit (8.6%) dan 11.3% adalah lain-lain (Jabatan Perdana Menteri (2019). Ketiga-tiga sektor yang mempunyai peratusan tertinggi ini merupakan antara aktiviti utama di PBT. Dengan merujuk permasalahan di atas, penyelidik merasakan perlunya satu kajian tentang rasuah di PBT dan mencadangkan Etika Kerja Islam (EKI) sebagai pembolehubah yang dapat mengawal kakitangan di PBT daripada melibatkan diri dengan rasuah.

Penyelidikan sebelum ini mendapati terdapat hubungan yang positif antara EKI dan komitmen organisasi (Rahayu, 2013). Yousef (2000) pula telah membuat penyelidikan tentang kekuatan hubungan antara EKI dengan komitmen kerja yang melibatkan seramai 474 pekerja daripada 30 organisasi di negara-negara Timur Tengah. Konsep EKI terbentuk daripada ajaran Islam yang terdapat

dalam al-Quran dan al-Hadith. Menurut Rice (1999), Islam mengandungi sistem etikanya yang tersendiri dalam membentuk panduan untuk menguruskan pekerjaan. Panduan ini mempunyai hubungkait dari segi konsep kesatuan, keadilan dan kepercayaan. Hasil daripada kajian Yousef ini menunjukkan hubungan yang positif antara EKI dengan dimensi komitmen. Pekerja yang memahami dan melaksanakan EKI akan bekerja bersungguh-sungguh kerana menyedari bahawa bekerja itu adalah salah satu tuntutan daripada agama. Pekerja akan melakukan pekerjaan sebagaimana yang diamanahkan kerana setiap perlakuan di tempat kerja sentiasa diawasi dari segi tindakan dan menyakini bahawa Allah SWT sentiasa melihat dan ada bersama (Rusniyati, 2009). Menurut Rahayu (2013), apabila seseorang individu mempunyai hubungan rapat dengan Allah, maka sikap dan tingkah laku individu tersebut akan cenderung untuk bertindak selaras dengan peraturan-peraturan dan ketetapan agama. Berdasarkan pandangan para sarjana ini, penyelidik berpendapat bahawa pemahaman dan pelaksanaan EKI di kalangan kakitangan akan memberi kesan terhadap perlakuan mereka ditempat kerja termasuklah terhadap niat untuk melakukan rasuah. Oleh itu, dalam kajian ini penyelidik akan mengkaji peranan EKI terhadap kakitangan dalam usaha untuk mencegah perlakuan rasuah.

## **1.6 Persoalan Kajian**

- i. Adakah faktor dalaman dan luaran mempengaruhi niat seseorang penjawat awam di PBT untuk melakukan rasuah?
- ii. Apakah komponen yang membentuk Etika Kerja Islam?
- iii. Sejauhmanakah pengaruh Etika Kerja Islam terhadap niat melakukan rasuah di kalangan kakitangan?
- iv. Bagaimana Etika Kerja Islam dapat memainkan peranan sebagai pembolehubah penyederhanaan terhadap hubungan antara faktor yang mempengaruhi dan niat untuk melakukan rasuah?

## 1.7 Objektif Kajian

Dengan merujuk kepada persoalan kajian yang telah dinyatakan sebelum ini, terdapat empat objektif kajian yang digariskan seperti yang dinyatakan di bawah:

- i. Untuk mengenalpasti faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi niat untuk melakukan rasuah di kalangan kakitangan PBT Negeri Johor.
- ii. Untuk mengenalpasti komponen EKI dalam memainkan peranan bagi mencegah rasuah di kalangan kakitangan PBT
- iii. Untuk menganalisis sejauhmanakah pengaruh EKI terhadap kakitangan PBT
- iv. Membangunkan Model Pencegahan Rasuah

## 1.8 Kepentingan Kajian

Antara kepentingan kajian ini dijalankan adalah sebagaimana berikut:

- i. Kajian ini dapat memberi dimensi baru dalam menjelaskan teori rasuah dari perspektif Islam dengan membangunkan satu model yang mengambilkira EKI sebagai pembolehubah penyederhanaan (*moderator*) dalam menangani rasuah. Sebelum ini banyak kajian yang dibuat oleh para sarjana seluruh dunia berkaitan rasuah adalah dari perspektif Barat. Terdapat juga para pengkaji yang mencadangkan Etika Kerja sebagai langkah mencegah rasuah tetapi ianya lebih menjurus kepada Etika Kerja Konvensional.
- ii. Kajian ini dapat dijadikan asas oleh pihak kerajaan terutamanya di peringkat pembuat dasar supaya mengambilkira elemen nilai-nilai Islam yang terkandung dalam EKI dapat dihayati oleh penjawat awam dan dipraktikkan dalam segala tugas yang dilakukan seterusnya menjadi satu budaya dalam diri dan organisasi.
- iii. Kajian ini dapat menyediakan satu panduan dan kerangka penyelesaian dari perspektif Islam bagi mengawal niat seseorang untuk melakukan

rasuah. Ianya dapat membantu pelbagai pihak yang berkaitan terutamanya SPRM, IIM, MAMPU dan sebagainya dalam merancang dan merangka program-program yang berkaitan supaya EKI dapat dilaksanakan sepenuhnya di semua agensi kerajaan.

- iv. Membantu para penyelidik dengan menyumbang kepada penemuan baru dalam konteks rasuah di Malaysia. Secara tidak langsung ianya mampu memperbanyakkan literatur serta menyokong, memperkaya dan memperkemaskan teori dan model rasuah yang sedia ada khususnya dalam membincangkan konteks rasuah mengikut perspektif Islam.
- v. Model Pencegahan Rasuah yang dibangunkan dalam kajian ini akan dapat meningkatkan kesedaran kepada semua pihak bahawa antara faktor menyebabkan seseorang terlibat dengan rasuah adalah dari kelemahan diri pelaku rasuah itu sendiri dan cara mengawalinya juga perlu bermula dengan pembangunan diri dan akhlak serta kembali menghayati ajaran Islam yang sebenar.

## **1.9 Skop Kajian**

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan yang menganalisis faktor-faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi niat melakukan rasuah seperti sikap individu, peluang, penguatkuasaan yang lemah, prosedur kerja tidak jelas, sosial dan budaya serta modenisasi. Kajian ini juga membincangkan EKI sebagai pembolehkan penyederhanaan terhadap niat untuk melakukan rasuah. Manakala organisasi yang dikaji adalah Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Johor.

Pemilihan responden dibuat berdasarkan kepada tanggungjawab dan tugas mereka dalam mengesahkan dan meluluskan sesuatu permohonan/projek serta mereka yang terlibat dalam penguatkuasaan. Mereka ini adalah terdiri daripada kumpulan pengurusan dan profesional seperti Yang Dipertua, Setiausaha, Jurutera, Akauntan, Pegawai Perancang, Pegawai Penilaian, Pegawai Tadbir Pelesenan dan Arkitek. Selain itu responden juga dipilih daripada pegawai kumpulan sokongan seperti Penolong Jurutera, Penolong Arkitek, Pembantu Penguatkuasa, Pembantu

Tadbir Pelesenan dan Pembantu Tadbir Projek. Responden yang dipilih adalah berdasarkan tugas dan tanggungjawab mereka supaya boleh memberikan pandangan secara langsung dalam membincangkan berkaitan amalan dan prosedur kerja yang dipraktikkan serta sikap dan tanggapan mereka terhadap rasuah di organisasi masing-masing.

### **1.10 Batasan Kajian**

Aktiviti penyelidikan sentiasa berhadapan dengan pelbagai cabaran dan batasan namun ianya menjadikan sesuatu penulisan itu lebih kreatif dan menarik. Begitu juga dengan penyelidikan ini yang menghadapi batasan tersendiri dalam menyiapkan keseluruhan kajian. Kajian ini hanya melibatkan kelompok responden yang terdiri daripada penjawat awam PBT yang bertugas di Negeri Johor. Oleh itu penemuan hasil kajian adalah terbatas dalam lingkungan situasi dan persekitaran yang dikaji. Isu-isu penting dalam kajian ini dianalisis hanyalah menurut persepsi responden yang diterima sahaja iaitu jawapan yang diberi melalui instrumen soal selidik yang diedarkan dan ditemubual. Tidak dapat dinafikan bahawa responden dan persepsi responden mungkin dipengaruhi oleh faktor persekitaran luaran dan dalaman organisasi ataupun faktor psikologi. Perkara ini juga boleh mempengaruhi pandangan responden dan menjadi salah satu batasan dalam kajian ini. Oleh kerana soalselidik ini diedarkan melalui Jabatan Khidmat Pengurusan dan Jabatan Perbendaharaan di setiap organisasi tersebut berkemungkinan masalah bias sendiri, kesan halo dan ralat logik dalam pemilihan responden akan berlaku. Dalam hal ini pemerhatian dan pandangan secara terbuka sangat terbatas.

Terdapat responden yang memulangkan soal selidik tetapi tidak lengkap dan ada juga yang memulangkan tanpa diisi. Ini jelas tidak dapat diterima sabagai satu set instrumen yang sempurna dan terpaksa diabaikan. Jangkamasa yang diambil juga boleh menjejaskan tumpuan dan kesediaan para responden menjawab dan berkemungkinan ada yang menjawab secara tergesa-gesa dan ada juga yang tidak memulangkan semula. Selain edaran soal selidik, temuduga dilakukan secara bersemuka dan melalui perbualan telefon. Dalam hal ini penyelidik berhadapan

dengan situasi di mana responden mempunyai masa yang terhad kerana dalam masa yang sama sedang melaksanakan tugas hakiki masing-masing.

Untuk membuktikan data yang diperolehi adalah berkualiti, beberapa usaha telah diambil bagi mengatasi kelemahan. Pengkaji memberi penjelasan kepada wakil jabatan berkaitan kepentingan soalselidik ini semasa menyerahkan borang tersebut. Pengkaji juga menyemak balik kesemua borang soalselidik yang dikembalikan. Borang soalselidik yang tidak dijawab sepenuhnya akan ditolak.

### **1.11 Organisasi Bab**

Organisasi bab di dalam kajian ini adalah seperti di bawah:

Bab 1 (Pendahuluan): Bab ini menerangkan secara umum keseluruhan kajian iaitu berkenaan pengenalan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan juga menerangkan secara ringkas metodologi kajian serta organisasi penulisan bab.

Bab 2 (Sorotan Kajian): Bab ini membincangkan kajian literatur tentang konsep dan definisi rasuah, perilaku rasuah, model rasuah, niat rasuah, faktor yang mempengaruhi, dan kesan rasuah. Selain itu, bab ini juga menerangkan mengenai konsep dan definisi Etika Kerja Islam, Pelaksanaan Etika Kerja Islam dan nilai Etika Kerja Islam.

Bab 3 (Kaedah Metodologi): Bab ini membincangkan berkenaan peringkat-peringkat pelaksanaan kajian dengan terperinci bagi mencapai setiap objektif kajian. Perbincangan dalam bab ini merangkumi perolehan data daripada kajian literatur, soal selidik serta kaedah analisis data.



Bab 4 (Analisa dan Hasil Kajian): Bab ini menerangkan mengenai hasil analisis data yang telah diperolehi setelah data dikumpulkan daripada kajian soal selidik untuk mencapai objektif kajian yang pertama, kedua dan ketiga.

Bab 5 (Kesimpulan dan Cadangan Akan Datang): Bab ini membincangkan penemuan dan kesimpulan mengenai pencapaian kepada semua objektif kajian. Selain itu, bab terakhir ini terdiri daripada rumusan keseluruhan kajian yang telah dijalankan sepanjang kajian ini beserta sumbangan kajian terhadap ilmu dan cadangan kajian lanjutan.

## **1.12 Rumusan**

Secara keseluruhannya, bab 1 membawakan huraian secara ringkas tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual dan definisi konsep secara operasional. Secara umum perbincangan dalam bab satu ini telah menjelaskan bentuk kajian yang akan dijalankan dan dalam masa yang sama menjadi satu pengantar awal kepada kajian yang hendak dibentangkan dan merupakan bab pendahuluan yang mengandungi alasan yang menyatakan kepentingan kajian dilakukan.

## RUJUKAN

- Al-Quran Al-Karim.
- Ab. Aziz, Y. & Ahmad Bashir, A. (2008). *Pengurusan Perniagaan Islam, Konsep Isu dan Perlaksanaan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Abd Aziz Aban. (2002). *Amalan Rasuah: Satu Kajian Kes dari Perspektif Pemberi*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd Rahim Abd Rashid. (1993). *Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd Samat, K. (2002). *Meningkatkan Kesedaran Masyarakat Terhadap Bahaya Gejala Rasuah : Satu Kajian di BPR Pahang*. Kertas Projek Bagi Diploma Sains KePOLISAN Maktab Polis Diraja Malaysia, Kuala Kubu Bharu.
- Abu Usrah. (1988). *Risalah Usrah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Adil Syausah. (2015). *Ensiklopedia Sunnah Rasulullah s.a.w* (1st ed.). Kuala Lumpur: Pustaka Ibnu Katsir.
- Adz-Dzahabi, S. (1992). *Dosa Besar*. Media Idaman Press, Surabaya.
- Ahmad Bashir Aziz. (2004). Nilai dan Etika Pengurusan: Analisa dari Perspektif Agama-agama di Malaysia. In *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi*.
- Ahmad Che Yaacob (1999), Institusi Hisbah: Satu pengenalan, *Jurnal Fikrah* (2): 119-126.
- Ahmad Faizol Ismail (2011), Perbandingan antara Hisbah dan Majlis Penasihat Syariah Sistem Perbankan Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Keluaran Khas, 2011, 41-51
- Ahmad Jurin, H. (2016). *Risywah Dalam Perspektif Hadis Nabi*. Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Ahmad Martadha Mohamed, Nur Syakiran Akmal Ismail, & Md Zawawi Abu Bakar. (2014). Personal Integrity As A Guiding Principle For Fighting Corruption. *Journal of New Government Paradigm, I*, 14–27.

- Ahmad Taufik, S. (2012). *Pengaruh Faktor Individu dan Situasi Terhadap Tingkahlaku Etika Dalam Organisasi: Peranan Program Etika Sebagai Konstruksi Penyederhana*. Tesis PHD, Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad, K. (1976). *Islam: Its meaning and message*. London: Islamic Council of Europe.
- Aidit Ghazali. (1992). Pembentukan Graduan Perakaunan Yang Beretika Mulia. *Akauntan Nasional*, 8–10.
- Aizuddinur Zakaria. (2013). *Rahsia Jutawan Islam : Abdul Rahman bin Auf*. PTS Profesional.
- Ajzen, & Driver, B. (1992). Contingent Value Measurement: On the Nature and Meaning of Willingness to Pay. *Journal of Consumer Psychology*, 1, 297–316.
- Ajzen, & Fishbein, M. (1980). *Understanding Attitudes and Predicting Social Behavior*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 179–211.
- Akhbar Satar. (2013). *CPI 2013, Transparency International-Malaysia (TI-M)*.
- Akhbar Satar. (2018). Press Release: Malaysia Suffers Drop on 2017 Corruption Perceptions Index (CPI).
- Akinseye, G. (2000). Legal System, Corruption and Governance in Nigeria. *New Century Law*.
- Al- Ghazali.(1967). *Ihya' Ulum al-Din*. Kaherah: Mu'assah al- Halabi wa Syarikah li al Nasyri wa at-Tauzi.
- Al- Ghazali. (1987). *Khuluq al-muslim*. Kaherah: Dar al Rayyan Litturas.
- Al- Ghazali. (1957). *Ihya Ulum ad-din*. Kaherah: Dar Ihya al Kutub al Arabiyyah
- Al- Ghazali. (1999). *Ihya' Ulum al-Din*. *Kaherah: Dar Al-Fajr Li Al-Turath*, J 3,4.
- Al- Hamadi. (1997). *Thalathatu al- najah*. Beirut: Dar Ibn Hazmi.
- Al- Kandahlawi, M. Y. (1987). *Hayatu al- sahabah*. Kaherah: Dar al Rayyan.
- Alawiyah, J. (2007). *Pengaruh Etika Kerja Islam Terhadap Sikap pada Perubahan Organisasi: Komitmen Organisasi Sebagai Mediator*. Tesis Master, Universitas Diponegoro.
- Ali A. J. (2005). *Islamic Perspectives On Management And Organization*. Northampton, MA: Edward Elgar.

- Ali, A. (1988). Scalling An Islamic Work Ethics'. *The Journal of Social Psychology*., 128(5), 575–583.
- Aliza, A. H. (2012). *Project Governance: Ethical Decision Making in Project Procurement in The Malaysian Public Sectors*. Queensland University of Technology.
- Al-Qurtubi, (1994). *Al-jami Li Ahkam al-quran*, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Alwiyah, J. (2007). *Pengaruh Etika Kerja Islam Terhadap Sikap-Sikap Pada Perubahan Organisasi: Komitmen Organisasi Sebagai Mediator*. Tesis Magister Akuntansi, Universiti Diponegoro.
- Amran Mohd Rasli. (2006). *Data Analysis and Interpretation: A handbook for Postgraduate Social Scientist*".
- Anand, V., Ashforth, B. E., & Joshi, M. (2004). The Acceptance of Perpetuation of Corruption in Organizations. *The Academy of Management Executive*, 19(4), 9–23.
- Anand, V., Ashforth, B. E., & Joshi, M. (2005). The Acceptance and Perpetuation of Corruption in Organizations. *The Academy of Management Executive*, 19(4), 9–23.
- Andvig, J., & Fjeldstad, O. (2001). *Corruption: A Review of Contemporary Research*. Retrieved from <http://cmi.no/publications/publication.cfm>
- Anis Yusal Yusoff, Sri Murniati, & Jenny, G. (2014). *Memerangi Rasuah di Malaysia: Cukupkah Usaha Kita?* Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS).
- Anti Corruption Resources Centre. (2007). *Islamic Approaches to Corruption*. *Transparency International*.
- Aronson, Elliot, Wilson, D. T. and Akert, M. R. (1994). *Social Psychology: the Heart and Mind*. New York: Harper Collins College Publishers.
- Arsalan, 'Amir Shaqib. (2004). *Limadha taakhar al-muslimin wa limadha taqaddam ghayruhum*. Beirut: Maktabah al-Hayah.
- Ashforth, B. E., & Anand, V. (2003). The Normalization of Corruption in Organizations. *Reserach in Organizational Behavior*, 25(3), 1–52.
- Asiah, B., & Sharifah Nuridah, S. N. M. (2008). Jenayah Rasuah Dan Pecah Amanah Di Kalangan Pengarah Syarikat: Mengenalpasti Punca Masalah Dan Cadangan Penyelesaian Menurut Islam. In *Seminar Kusahawanan Islam 11 Peringkat Kebangsaan* (pp. 1–26).

- Asmawati Suhid. (2007). Pengajaran Adab Dan Akhlak Islam Dalam Membangunkan Modal Insan. *Jurnal Pengajian Umum*, 8, 167–178. Retrieved from [http://www.ukm.my/jmalim/images/vol\\_08\\_2007/artikel\\_9 - asmawati - 167-178.pdf](http://www.ukm.my/jmalim/images/vol_08_2007/artikel_9_asmawati_167-178.pdf)
- As-Sa'dy. (n.d.). *Tafsir* (4th ed.). Retrieved from [www.islamspirit.com](http://www.islamspirit.com)
- Astri Fitria. (2003). *Pengaruh Etika Kerja Islam terhadap Sikap Akuntan Dalam Perubahan Organisasi Dengan Komitmen Organisasi Sebagai Variable Intervening*. Universitas Diponegoro.
- Azhar Harun, & Nawawi Abdullah. (2004). *Metodologi Penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial*. Thomson Learning.
- Aziza Zakaria. (2004). *Penghayatan Terhadap Beberapa Aspek dalam Falsafah Etika al-Ghazali : Kajian di Kalangan Pelajar UITM Shah Alam*. Universiti Malaya.
- Azizi, Y. (2008). Keluarga Dalam Pembentukan Moral. *Journal of Science & Mathematics Education*
- Azrin, I. (2015). Kepentingan Hisbah dan Amalannya di Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 11.
- Azwar, S. (2003). *Sikap Manusia Teori dan Pengukurannya* (2nd ed.). Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Baggett, W. O. (2007). Criteria for ethics assessments. *The Internal Auditor*, 64(1), 65–69.
- Bagozzi, R. P., & Dholakia, U. M. (1999). Goal Setting and Goal Striving in Consumer Behavior Vol. 63, Fundamental Issues and Directions for Marketing (1999), pp. 19-32 Published by: American Marketing Association Article DOI: 10.2307/1252098 Stable URL: <http://www.jstor.org/stable/1252098> Page C. *Journal of Marketing*, 63, 19–32.
- Bagozzi, R. P., Dholakia, U. M., & Basuroy, S. (2003). How Effortful Decisions Get Enacted: The Motivating Role of Decision Processes, Desires, and Anticipated Emotions. *Journal of Behavioral Decision Making*, 16(July), 273–295. <http://doi.org/10.1002/bdm.446>
- Baharom Mohamad, & Mohamad Johdi Salleh. (2009). Kepimpinan Pendidikan Dalam Pembangunan Modal Insan. *Seminar Pembangunan Modal Insan 2009*, (1989), 23–24.

- Bailey, J., & Paras., P. (2006). Perceptions and Attitudes about Corruption and Democracy in Mexico, *22*(1), 57–82.
- Balboa, J., & Medalla, E. M. (2006). Anti-Corruption and Governance: The Philippine Experience. In *APEC Study Center Consortium Conference* (p. 1029). Ho Chi Minh City, Viet Nam.
- Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs.
- Bannenberg, B., & Schaupensteiner, W. (2004). Corruption in Deutschland.
- Bannister, M. (2003). A Killing Virus How Is Corruption Being Combated In. In *29th WEDC International Conference Corruption in Development* (pp. 323–326).
- Barbie E. (2007). *The practice of social research* (Eleventh E). California: Thompson Learning Inc.
- Barker, T., & Roebuck, J. (1973). An Empirical Typology of Police Corruption.
- Bayar, G. (2005). The Role of Intermediaries In Corruption. *Public Choice*, *122*.3(4), 277–298.
- Bin Dong. (2011). *The Causes and Consequences of Corruption*. Queensland University of Technology, Brisbane, Australia.
- Blackburn, K., Bose, N., & Emranul Haque, M. (2006). The Incidence and Persistence of Corruption in Economic Development. *Journal of Economic Dynamics and Control*, *30*, 2447–2467. <http://doi.org/10.1016/j.jedc.2005.07.007>
- Boyatzis, R. E., & Mc Kee, A. (2005). *Resonant leadership: Renewing Yourself and Connecting With Others Through Mindfulness, Hope and Compassion*. Boston: Harvard Business School Press.
- Bradburn, N., & Sudman, S. (1988). *Polls and Surveys: Undersatanding WhatThey Tell Us*. San Francisco: Jossey - Bass.
- Braithwaite, J. (1989). Crime, Shame and Reintegration. *Cambridge University Press*. <http://doi.org/0803973233>
- Bratton, V. . (2004). *Affective morality: The role of emotions in the ethical decision making process*. Universiti Florida.
- Brief, A. P., Bertram, R. T., & Dukerich, J. M. (2000). Collective Corruption in The Corporate World: Toward A Process Model. In M. E. Turner (Ed.), *Groups at Work: Advances in Theory and Research*(pp. 471-499). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum.

- Bryman, A., & Bell, E. (2003). *Business Research Methods*.
- Bryman, A., & Cramer, D. (1990). *Quantitative Data Analysis for Social Scientist*. London: Routledge.
- Carrillo J.D. (1999). Corruption iin Hierarchies. *Annales D Economie et de Statistique*. Retrieved from [www.adres.prd.fr/annales/anciensnumeros/resumes/n59/03.pdf](http://www.adres.prd.fr/annales/anciensnumeros/resumes/n59/03.pdf)
- Chamil Wariya. (2012). *Membongkar Penyelewengan Mencari Kebenaran*. (Yusanani Yushak, Ed.). Malaysian Press Institute.
- Chang, E. C. C., & Chu, Y. (2006). Corruption and Trust : Exceptionalism in Asian Democracies. *The Journal of Politics*, 68(2), 259–271.
- Che Yusoff, C.M. (1989). Konsep al-Birr Mengikut al-Quran. *Journal Islamiyyat*, 10, 43-52.
- Chen, J., Tang, T. L.-P., & Tang, N. (2013). Temptation, Monetary Intelligence (Love of Money) and Environmental Context on Unethical Intention and Cheating. *Journal of Business Ethics*.
- Chua, Y. P. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. Mc Graw Hill Education.
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah Penyelidikan* (3rd ed.). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Chua, Y. P. (2014). *Ujian Regresi, Analisis Faktor dan Analisis SEM* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Coleman, J. (1998). *The Criminal Elite. Understanding White-Collar Crime* (4th ed.). New York: St Martin's.
- Constant, D. B. (2010). Resistance to Socialization into Organization Corruption: A Model of Deontic Justice. *Jurnal Bus Psychol*, 533–541. <http://doi.org/DOI.10.1007/s10869-010-9176-3>
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Designs*.
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (2nd ed.). California: Sage Publication.
- Creswell, J., & Prins, N. (2002). The emperor of greed. *Fortune*, 145(13), 106–108.
- Culpan, R., & Trussel, J. (2005). Applying The Agency and Stakeholder Theories to The Enron Debacle: An Ethical Perspective. *Business and Society Review*, 110(1), 59–76.

- Danial, Z. A. (2005). *Tip-tip cemerlang daripada al-Quran*. Bentong: PTS Publication.
- Darwish, A. Y. (2000). The Islamic Work Ethics as Mediator of the Relationship between Locus of Control, Role Conflict and Role ambiguity - A Study in an Islamic Country Setting.
- Dato' Seri Dr Mahathir. (2001). *Business and Integrity : The Way Forward*. Jabatan Perdana Menteri.
- David Chua. (2016). Pencegahan Rasuah Lebih Berkesan: Keupayaan Sektor Korporat Mengembleng Usaha dan Komitmen. *Koleksi Artikel SPRM*.
- David, I. O. (2012). Definitions, Theories and Concepts. *Arabian Journal of Business and Management Review*, 2.
- Davies, I. A. (2009). Alliances and Networks: Creating Success in the UK Fair Trade Market. *Journal of Business Ethics*, 86, 405–429.
- De Graaf, G. (2007). Causes of Corruption: Towards A Contextual Theory of Corruption. *Public Administration Quarterly*, 39–86.
- Dholakia, Bagozzi, & Gopinath. (2007). How Formulating Implementation Plans and remembering past actions facilitate the enactment of effortful decisions. *Journal of Behavioral Decision Making*, 343–364. <http://doi.org/10.1002/bdm.562>
- Diana, S. (2007). Anti-Corruption: What Do We Know? Research on Preventing Corruption in The Post-Communist World. *Political Studies Review*, 5(2), 202–232. <http://doi.org/Anti-corruption: What Do We Know? Research on Preventing Corruption in the Post-communist World> Diana Schmidt Article first published online: 13 APR 2007 DOI: 10.1111/j.1478-9299.2007.00129.x
- Dr Hasrudin, M. (2015). Etika Kerja Islam Sebuah Kajian Teoritik dan Empirik. *Dosen Fakultas Ekonomi Universitas Muhammadiyah Semarang*, 5(1), 2015.
- Dughaymi, M. R. (1997). *Asalib al-bahthi al- ilmi masadir al-dirasat al-Islamiyah*. Amman: Maktabah al-Risalah.
- Emmerling, R. J., & Goleman, D. (2003). Emotional Intelligence: Issues and Common Misunderstandings.
- Ermann, M. D., & Lundmann, R. (1996). *Corporate and Governmental Deviance: Origins, Patterns, and Corporate and Governmental Deviance: Problems of Organizational Behavior in Contemporary Society*, (5th ed.). Oxford Press.



